

## BAB 3

### PENYERAHAN SARAWAK KEPADA BRITISH DAN REAKSI ORANG CINA

Selepas Perang Dunia Kedua Sarawak telah diambil oleh British. Ini telah menyebabkan perubahan taraf Sarawak dari sebuah negeri “merdeka”<sup>1</sup> di bawah pemerintahan Brooke menjadi sebuah tanah jajahan mahkota British. Dengan itu segala hubungan antara keluarga Brooke dengan negeri ini telah berakhir.<sup>2</sup> Penyerahan Sarawak telah menimbulkan politik anti-penyerahan di Sarawak. Majoriti penduduk Sarawak menerima keputusan Raja untuk menyerahkan Sarawak kepada kerajaan Britain. Secara keseluruhannya orang Dayak dan orang Cina menyokong perubahan ini kecuali segelintir kecil yang menentang. Begitu juga kabanyakan orang Melanau juga suka kepada keputusan Raja Charles Vyner Brooke itu. Sementara itu orang Melayu pula berpecah kepada dua kumpulan, iaitu satu kumpulan menerima baik penyerahan Sarawak dan yang lain menentang dengan kuat.

#### SARAWAK MENJADI TANAH JAJAHAN MAHKOTA BRITISH

Pada 15 April 1946, Raja Charles Vyner Brooke kembali ke Sarawak<sup>3</sup> dan BMA menyerahkan semula kerajaan Sarawak kepadanya. Penduduk secara keseluruhannya sangat gembira dan orang Cina bersama-sama dengan komuniti lain berharap dengan pengembalian Raja Charles Vyner Brooke ke Sarawak, keadaan Sarawak akan dipulihkan seperti sebelum perang. Namun demikian sebenarnya telah

wujud banyak perubahan dengan kemaraan tentera Jepun ke Sarawak. Kemasuhan pertahanan tentera British pada tahun 1941, penghinaan semasa zaman pendudukan Jepun, kehilangan maruah orang Eropah, maka keadaan Sarawak tidak mungkin dapat dikembalikan seperti keadaan sebelum perang. Walau bagaimanapun pengembalian Raja Charles Vyner Brooke pada tahun 1946 sangat dialu-alukan oleh penduduk Sarawak.

Perang Dunia Kedua telah membawa kemasuhan yang teruk kepada Sarawak. Selepas perang, Sarawak perlu dibina semula dan ini akan melibatkan perbelanjaan yang banyak.<sup>4</sup> Keadaan ekonomi adalah menyedihkan; padang-padang minyak telah musnah dan kebun-kebun getah juga terbiar. Kemudahan pendidikan, kesihatan, jalan raya dan lapangan terbang perlu diperbaiki segera untuk memenuhi keperluan penduduk. Kerugian Sarawak dianggarkan sebanyak \$23,294,029.00. Pecahannya seperti yang ditunjukkan dalam jadual berikut:

**Jadual 9**  
**Kerugian Sarawak Semasa Pendudukan Jepun**

Sektor Ekonomi dan Harta Persendirian	Jumlah Kerugian (\$)
<b>Tanah dan Bangunan</b>	
Ladang-ladang getah	594,363.00
Perindustrian dan Perdagangan	3,587,162.00
Rumah-rumah Kediaman	1,443,781.00
<b>Perkakas dan Perindustrian</b>	
Ladang-ladang getah	172,501.00
Lain-lain	5,050,092.00
<b>Gudang-gudang, Ternakan dan Tanaman</b>	
Barangan Gudang	8,186,247.00
Pokok-pokok Getah	595,223.00
Ternakan dan Tanaman lain	751,342.00
<b>Barang-barang Persendirian</b>	
Perabot, Pakaian dan sebagainya	3,467,602.00
Barang-barang Kemas dan sebagainya	445,716.00
<b>Jumlah</b>	<b>23,294,029.00*</b>

\*Jumlah ini belum termasuk kerugian yang dialami oleh Syarikat Minyak Sarawak yang dianggarkan bernilai \$57,455,374.00.

**Sumber:** Maklumat dalam jadual di atas diperolehi dari *The Sarawak Gazette*, 7 Jun 1949, hlm. 155-156; 31 Julai 1970, hlm. 138.

Oleh kerana mengalami kerosakan dan kerugian besar, Raja Charles Vyner Brooke mendapati Sarawak terlalu miskin<sup>5</sup> untuk membangunkan semula negerinya. Beliau berpendapat hanya kerajaan British yang sanggup berbuat demikian. Dengan itu Raja Charles Vyner Brooke berharap Sarawak akan dapat menjadi sebuah negeri moden di bawah kerajaan Britain kerana ia mempunyai sumber kewangan yang kukuh

serta pengalaman teknikal yang diperlukan untuk pembangunan sebuah negeri moden. Ini dapat dijelaskan melalui warta yang disampaikan oleh Raja kepada penduduk Sarawak pada hari penyerahan Sarawak pada 1 Julai 1946. Di antara lain warta itu mencatatkan:

... Nevertheless I took this decision because I know that it was in the best interests of the people of Sarawak and that in the turmoil of the modern world they would benefit greatly from the experience, strength and wisdom of British Rule.<sup>6</sup>

Pada masa yang sama Raja Charles Vyner Brooke keberatan untuk menyerahkan pentadbirannya kepada anak saudaranya, Tuan Muda Anthony Brooke mahupun pada adiknya, Betram Brooke.<sup>7</sup> Oleh itu dapatlah dinyatakan yang motif penyerahan Sarawak oleh Raja Charles Vyner Brooke kerana beliau telah tua, tidak sihat dan tidak yakin kepada warisnya. Selain itu Sarawak memerlukan bantuan ekonomi dan teknikal daripada British. Bantuan daripada British tidak akan berlaku sekiranya Sarawak masih di bawah Dinasti Brooke.<sup>8</sup> Masalah peribadi keluarga Brooke ditambah dengan keadaan ekonomi yang mundur telah mendesak Raja Charles Vyner Brooke mengambil keputusan untuk menyerahkan negeri Sarawak kepada kerajaan British. Kalau dikatakan cadangan penyerahan Sarawak bermula pada tahun 1946 adalah salah, kerana penyerahan Sarawak telah bermula sejak tahun 1846 iaitu 100 tahun lebih awal. Raja Brooke pertama setelah mendapat kuasa memerintah di Sarawak berpendapat bahawa tanpa sebarang sokongan daripada kuasa lain, negerinya akan menjadi rebutan kuasa luar selepas kemangkatannya. Oleh itu

sejak tahun 1846 lagi beliau telah cuba mendapat sokongan perlindungan daripada kerajaan British tetapi ditolak pada masa itu. Seterusnya beliau cuba berbincang dengan negara-negara lain seperti Belanda dan Perancis. Setelah kerajaan British mengakui Sarawak sebagai sebuah negeri merdeka pada tahun 1863, Belanda pula menyatakan pihaknya tidak akan mengakui Sarawak buat selama-lamanya. Ini kerana kerajaan Belanda percaya Sarawak akan pupus setelah James Brooke meninggal dunia.<sup>9</sup> Oleh itu penyerahan Sarawak kepada kerajaan British bukanlah soal baru.

Sementara itu Kabinet Perang British pada 18 Mei 1944 telah membuat keputusan bahawa Britain harus mempunyai kuasa lebih berkesan ke atas negeri Sarawak selepas perang. Setiausaha Tanah Jajahan, George Hall<sup>10</sup> mengumumkan bahawa kerajaannya menerima tawaran Raja Charles Vyner Brooke dalam menyerahkan negeri Sarawak kepada kerajaan British. Menurut Radio Melbourne sejumlah wang £1,000,000.00 akan dibayar kepada Raja dan keluarganya.<sup>11</sup> Tindakan itu seolah-olah membayangkan Raja Charles Vyner Brooke cuba menjual negeri Sarawak kepada sebuah kerajaan yang lebih kaya iaitu Britain. Britain pula membeli Sarawak dengan nilai £1,000,000.00. Merujuk kepada Perlembagaan 1941, sebenarnya Raja Charles Vyner Brooke tidak mempunyai kuasa dan hak untuk berbuat demikian. Beliau seharusnya memimpin Sarawak ke arah berkerajaan sendiri. Dalam hal ini artikel ke-8 Perlembagaan 1941 mencatatkan:

Hendak-lah sentiasa diingati akan chita2 hendak berkerajaan sendiri itu, raayat Sarawak akan di-tarohkan keperchayaan dalam masa yang akan datang bagi memerintah diri mereka sendiri . . .<sup>12</sup>

Bagi pihak British, penyerahan Sarawak bermaksud negeri Sarawak diletakkan di bawah perlindungan kerajaan British dan menjadi sebuah tanah jajahan British sebagaimana yang dinyatakan oleh seorang pegawai British, Cromwell seperti berikut:

The Cession of Sarawak to the British Commonwealth meant that the government of Sarawak ceased to be a constitutional autocracy under British protection and became a colony subject to the control of the democratic government of Great Britain . .<sup>13</sup>

Penyerahan Sarawak kepada kerajaan British juga telah dikritik oleh *Utusan Sarawak* yang menyatakan keraguan terhadap kemampuan British menjaga Sarawak kerana pada tahun 1941, pihak British gagal mempertahankan Sarawak daripada serangan Jepun. *Utusan Sarawak* juga menyatakan British sebenarnya bukan ingin menaungi Sarawak tetapi memeras kekayaan Sarawak. Bagi *Utusan Sarawak*, "Sarawak sudah tentu menjadi medan ekonomi yang boleh membantu kegentingan ekonomi British."<sup>14</sup> Ini dapat dilihat di mana pihak British cuba memujuk penduduk Sarawak menerima penyerahan Sarawak dengan menyatakan "tiada penyerahan, tiada pinjaman kewangan"<sup>15</sup> bagi membangunkan semula negeri Sarawak. Dengan itu adalah tidak keterlaluan jika dikatakan tujuan sebenar di sebalik penyerahan Sarawak adalah keinginan pihak British untuk memperluaskan tanah jajahannya demi kepentingan ekonomi. Ada dua sebab yang mendorong Britain berusaha untuk menjadikan Sarawak sebagai tanah jajahannya. Pertama, selepas perang, Britain memerlukan satu penyusunan baru bagi tanah jajahannya agar boleh mengeksplorasi ekonomi untuk

membantu perbendaharaan Britain. Kedua, demi mencapai matlamat tersebut, Pejabat Tanah Jajahan di London telah membuat cadangan mengabungkan Negeri-negeri Selat, Negeri-negeri Melayu, Borneo Utara, Brunei dan Sarawak di bawah satu pentadbiran. Minat British terhadap Sarawak sebenarnya sudah wujud semenjak tahun 1870-an lagi. Dari tahun 1870 sehingga 1917, Pejabat Tanah Jajahan di Britain telah beberapa kali mencuba untuk campur tangan dalam politik Sarawak. Oleh kerana Raja Charles Brooke yang memerintah pada waktu itu mempunyai keperibadian yang tegas, usaha mereka telah menemui kegagalan. Walau bagaimanapun pihak British berjaya menandatangani perjanjian tahun 1888 yang meletakkan Sarawak di bawah perlindungan British. Dalam ertikata lain, Britain berhak ke atas soal hubungan luar Sarawak. Pada tahun 1940, Britain sekali lagi cuba mencampuri hal politik di Sarawak dengan alasan untuk menstabilkan keadaan politik Sarawak ekoran daripada tercetusnya perbalahan antara Raja Charles Vyner Brooke dan anak buahnya, Raja Muda Anthony Brooke berkaitan soal pengganti Raja.<sup>16</sup> Zaman pendudukan Jepun digunakan sebagai alasan untuk mempercepatkan impian British itu tercapai. Ini dapat dilihat apabila tersebarnya pengaruh Jepun di Asia Tenggara, Britain telah mendesak Raja Charles Vyner Brooke menandatangani Perjanjian 1941 yang telah menandakan pertapanan awal kekuasaan British di Sarawak. Dengan perjanjian itu British telah menghantar seorang penasihat yang bertanggungjawab penuh ke atas pertahanan dan politik Sarawak.<sup>17</sup> Seterusnya keadaan ekonomi yang meruncing selepas pendudukan Jepun telah memberi peluang kepada Britain untuk menjalankan muslihatnya bagi meneruskan rancangan mereka

mendapatkan kuasa penuh di Sarawak.

Kehadiran tentera-tentera Australia yang mentadbir Sarawak di bawah BBCAU untuk memulihkan keadaan selepas pendudukan Jepun telah menjadi faktor pendesak kepada pihak British untuk menjalankan rancangan meletakkan Sarawak di bawah jajahannya. Oleh kerana penduduk Sarawak telah menderita kekurangan makanan selama beberapa tahun, kehadiran BBCAU yang telah menenteramkan keadaan dan membawa makanan kepada mereka, ramai orang Sarawak berpendapat bahawa pentadbiran BBCAU adalah terbaik. Tambahan pula pihak Australia juga berazam untuk menguasai pentadbiran tentera di Sarawak dengan sepenuhnya walaupun tugas asal mereka ialah membebaskan Borneo daripada penaklukan Jepun. Dengan itu timbul rasa curiga pihak British mengenai tujuan sebenar pihak tentera Australia di Sarawak. Memerhati perkembangan itu dengan bimbang, pihak British mengambil keputusan untuk mengambil alih pentadbiran Sarawak daripada BBCAU dengan alasan Sarawak memerlukan bimbingan untuk memulihkan keadaan selepas perang.<sup>18</sup> Dengan itu keadaan ekonomi adalah alasan terbaik untuk Britain menjalankan muslihat mereka di Sarawak.

Perlu diketahui bahawa sebenarnya perancangan polisi selepas zaman Jepun secara rasmi untuk Tanah Melayu dan wilayah British Borneo telah bermula pada 6 Januari 1944. Edward Gent<sup>19</sup> dari Pejabat Kolonial di London telah menyediakan satu Unit Perancangan Borneo di bawah C.F.C. Macaskie,<sup>20</sup> Ketua Hakim Borneo Utara bagi merancang masa depan Sarawak, Brunei dan Borneo Utara dalam era selepas perang.<sup>21</sup> Keputusan polisi telah disampaikan kepada Pejabat Kolonial dan

disetujui oleh Kabinet Perang pada Mei 1944 bahawa Raja Sarawak dan Kompeni Berpiagam Borneo Utara harus menyerahkan kuasa kepada kerajaan British supaya kawalan yang berkesan ke atas kedua-dua negeri itu dapat dilakukan.<sup>22</sup> Dokumen yang terperinci akhirnya ditandatangani oleh Raja dan Pejabat Kolonial pada 24 Oktober 1945<sup>23</sup> tetapi tidak pernah didedahkan dan hanya dibangkitkan semula apabila Raja Brooke bersetuju menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British.

Walau bagaimanapun apa yang penting di sini, kedua-dua pihak sama ada British mahupun Raja Charles Vyner Brooke telah menggunakan alasan kesan pendudukan Jepun sebagai “pasport” untuk Sarawak dijadikan tanah jajahan Britain, padahal kedua-dua pihak pada hakikatnya mempunyai kepentingan diri masing-masing. Apa yang jelas, salah satu daripada kesan penting yang telah ditimbulkan oleh pendudukan Jepun di Sarawak ialah penyerahan negeri itu kepada kerajaan British.

Pengumuman Raja Charles Vyner Brooke yang bersifat melodramatik tentang penyerahan Sarawak sebagai tanah jajahan British kepada penduduk Sarawak buat pertama kalinya telah disiarkan di London dan Kuching pada 6 Februari 1946. Pengisytiharan ini telah diterbitkan dalam *The Sarawak Tribune* pada 8 Februari 1946.<sup>24</sup> Raja mendedahkan bahawa kerajaan British telah bersetuju dengan cadangan bahawa negeri Sarawak harus diserahkan kepadanya. Beliau dengan yakinnya menyatakan:

We believe that there lies, in the future, hope for my people in the prospect of an era of awakening, enlightenment, stability and social progress, such as they have never had before. . . . We regard

acceptance of the cession as the consummation of the hopes of the First Rajah.<sup>25</sup>

Reaksi masyarakat terhadap berita itu diterangkan dengan jelas dalam *The Sarawak Tribune* bertarikh 22 Februari 1946 seperti berikut:

The news of the Cession of Sarawak to the British government has been received with mixed feelings by the people of the country. A sense of bewilderment prevailed at this very significant and important change in the status of the country. Among the many Sarawakians by which we do not mean only the natives but also those many have come to regard Sarawak as their home, the news are received with regrets.<sup>26</sup>

Dalam pada itu *The Sarawak Tribune* juga menulis bahawa taraf Sarawak telah menjadi topik perbualan atau perbincangan untuk beberapa ketika sejak pengumuman Raja itu.<sup>27</sup>

Raja Charles Vyner Brooke membuat pengumuman pertama pada 24 April 1946 kepada penduduk Sarawak memberi penjelasan tentang penyerahan Sarawak sejak pengumuman pada bulan Februari lalu. Beliau berjanji adat resam lama tidak akan dihapuskan dan Perlembagaan 1941 akan dihormati. Beliau dengan yakinnya menyatakan bahawa beliau bukan tidak memperdulikan Sarawak dan memberi jaminan beliau akan melawat negeri Sarawak. Seterusnya beliau percaya bahawa kerajaan Britain akan membawa pembangunan yang besar dan kestabilan politik kepada Sarawak. Raja juga menyatakan bahawa beliau tidak yakin pengganti takhtanya, Anthony Brooke boleh menjadi seorang raja yang baik.<sup>28</sup>

Ini menunjukkan Raja Charles Vyner Brooke cuba memujuk penduduk

Sarawak mempertimbangkan dan menerima penyerahan Sarawak kepada kerajaan Britain memandangkan kebaikan-kebaikan yang akan diperolehi oleh Sarawak dan seluruh penduduk sekiranya Sarawak diletakkan sebagai tanah jajahan British. Dalam pada itu terdapat pandangan yang menyatakan Raja Charles Vyner Brooke sanggup menyerahkan kuasa pemerintahan keluarganya kerana baginda tidak mempunyai anak lelaki yang boleh menggantikannya. Dengan itu alasan keadaan Sarawak selepas perang dijadikan peluang yang baik untuk menyerahkan Sarawak. Nampaknya Raja yang berumur 72 tahun itu telah memutuskan bahawa penyerahan kepada British adalah satu-satunya penyelesaian yang wajar baginya dan negeri Sarawak.

Berikutannya Raja Charles Vyner Brooke telah menghantar Setiausaha Peribadi, Gerald MacBryan ke Sarawak sebagai wakil untuk mengetahui sambutan penduduk tentang soal penyerahan Sarawak kepada kerajaan British. MacBryan melawat Ong Tiang Swee dan Datu-Datu Melayu<sup>29</sup> bagi mengetahui pendapat mereka tentang soal penyerahan Sarawak. Beliau juga cuba memujuk Ong Tiang Swee dan pemimpin utama pertubuhan-pertubuhan Cina di samping pemimpin Melayu<sup>30</sup> supaya menandatangani satu kenyataan yang menunjukkan sokongan kepada keputusan Raja dengan kerajaan British. Di antara pemimpin Cina yang turut menandatangani dokumen itu termasuklah Wee Kheng Chiang (Persatuan Hokkien), Lee Wing Thoong (Persatuan Kwong Hui Seow), Tan Bak Lim (陈木林)<sup>31</sup> (Persatuan Teochew), Yong Pong Chiang (Persatuan Hakka), Wong Cheng Guan (Persatuan Foochow), Chan Qui Chong (Chawan Hui Kuan), Sia Lai Hin (Persatuan Lui Chew) dan Woon Siang Kwang (Persatuan Kheng Chew). Pemimpin daripada Persatuan Heng Ann tidak

menandatangani dokumen berkenaan.<sup>32</sup>

Peranan MacBryan di Sarawak adalah lebih kurang sama dengan peranan Harold MacMichael di Tanah Melayu yang memaksa Raja-raja Melayu dalam tahun 1946 untuk menubuhkan Malayan Union.<sup>33</sup> MacBryan telah menggunakan cara tipu helah untuk mendapat persetujuan di Sarawak. Ini dapat dilihat melalui sepuak suratnya kepada *The Sunday Times* bahawa “. . . the Rajah is moved by the spirit of the policy of James Brooke. . . which was to work for the good of the people and not for the good of himself.”<sup>34</sup> Dengan kepulangan wakilnya, Raja Brooke memberitahu kerajaannya bahawa daripada surat-surat yang dihantar oleh ketua-ketua komuniti Cina dan Melayu di Sarawak, beliau berasa penyerahan Sarawak boleh dijalankan.<sup>35</sup>

Dalam permulaan hendak melancarkan penyerahan itu, kerajaan British telah menghantar seorang pegawai dari England bernama C.W. Dawson<sup>36</sup> ke Kuching yang kemudiannya dilantik menjadi pegawai pentadbir bagi kerajaan British di negeri Sarawak. Untuk membuat penyelidikan secara dekat lagi, Pejabat Tanah Jajahan telah menghantar dua orang perwakilan iaitu David Rees William<sup>37</sup> (Parti Buruh) dan Kapten L. David Gammans<sup>38</sup> (Parti Konservatif) untuk mengkaji pendapat penduduk di Sarawak mengenai soal penyerahan Sarawak kepada kerajaan British seperti yang dikehendaki oleh Raja Sarawak. Mereka tiba di Kuching pada 2 Mei 1946 dari Singapura. Pada malam itu satu perjumpaan diadakan di Dewan Perniagaan Cina supaya komuniti-komuniti di Kuching dapat menyampaikan pendapat mereka. Perjumpaan serupa juga diadakan di Simanggang, Bintulu, Lawas dan Sibu. Laporan mereka siap dan dihantar kepada Pejabat Tanah Jajahan pada 10 Mei 1946.<sup>39</sup>

Daripada laporan perwakilan itu menunjukkan penduduk Sarawak lebih ramai yang suka penyerahan. Ini dapat dilihat melalui kesimpulan yang dibuat oleh perwakilan itu seperti berikut:

there was sufficient acquiescent or favourable opinion in the country as a whole to justify the question of cession being brought before the Council Negri of Sarawak, and they strongly urged that there should be no postponement of that action.<sup>40</sup>

Draf undang-undang tentang penyerahan Sarawak telah dibahaskan dalam satu sesi khas di Majlis Negri pada 15, 16 dan 17 Mei 1946. Ia telah diluluskan setelah bacaan ketiga dibuat pada 17 Mei 1946 dengan majoriti kecil iaitu 19 undi menyokong dan 16 menentang<sup>41</sup> penyerahan Sarawak menjadi tanah jajahan mahkota British. Mereka yang menyokong ialah J.B. Archer, G.E. Cascoigne, L.D. Kennedy, B.J.C. Spurway, R.E. Edwards, Datu Pahlawan Abang Haji Mustapha, Datu Amar Abang Sulaiman, Datu Menteri Encik Zain, Haji Nawani, Tan Bak Lim, A. Mulder, Temenggung Koh, Bennet Jarraw, J. Owen, Khoo Peng Loong, Abang Ahmad, Abang Haji Abang Rahim, J.C.H. Barcroft dan Datu Hakim Abang Haji Mohidin. Manakala mereka yang menentang ialah J.O. Gillbert, W.P.N.L. Ditmas, Abang Openg Abang Safiee, Abang Kiprawi, Abang Samsuddin, Datu Patinggi Abang Haji Abdillah, Abang Abu Latip, Datu Zin, Abang Haji Draup, Abang Ali, Datu Tuanku Mohamad, Abang Mustapha, Rev. P.P.H. Howes, Philip Jitam, D.M. Deen dan Edward Jerah. Ong Hap Leong dan Tse Shuen Sung pula tidak hadir.<sup>42</sup> Terdapat pihak yang mengkritik cara pengundian itu diadakan. Mereka menyatakan mereka yang

mengundi itu tidak mengikut kehendak hati kerana tidak tahu apa-apa tentang penyerahan Sarawak dan hanya mengundi bagi menyebelahi pihak Raja sahaja.<sup>43</sup> Hubungan antara penduduk Sarawak dengan Raja Brooke amat kukuh dan penduduk amat percaya kepada Raja, maka mereka sentiasa bersetuju dan menerima sebarang cadangan Raja. Pegawai dan kakitangan kerajaan British dibenarkan mengambil bahagian dalam pengundian supaya menambahkan undi yang cukup dalam menyokong penyerahan Sarawak. Jelaslah penyerahan Sarawak dilakukan secara haram kerana pegawai-pegawai British sendiri telah digunakan untuk mengundi bagi merestui penyerahan Sarawak kepada British. Manakala ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negeri daripada perwakilan Cina terdedah kepada tekanan politik. Ketua kaum Teochew, Tan Bak Lim telah diugut akan dibunuhi oleh Persatuan Hua Kheow Tshin Nien sekiranya beliau mengundi menentang penyerahan Sarawak. Ini telah menyebabkan dia mengundi menyokong penyerahan Sarawak kepada kerajaan British. Ong Hap Leong dan Tse Shuen Sung tidak hadir kerana mereka juga menghadapi tekanan politik. Hanya Khoo Peng Loong sahaja yang menyokong penyerahan tanpa dipaksa. Boleh dikatakan Sarawak yang merdeka di bawah pemerintahan Brooke diserahkan menjadi tanah jajahan Britain melalui penipuan, pujuhan dan ugutan demi mendapatkan undi yang mencukupi bagi mengesahkan penyerahan Sarawak sebagai tanah jajahan British.

Walau bagimanapun dokumen penyerahan Sarawak kepada kerajaan Britian telah ditandatangani pada 21 Mei di antara Raja Vyner Brooke dengan pihak kerajaan British yang diwakili oleh C.W. Dawson di Astana, Kuching. Mereka yang hadir

menjadi saksi dalam menandatangani dokumen penyerahan terdiri daripada wakil Ong Tiang Swee, I.D. Kennedy, Datu Hakim, Datu Amar, Datu Menteri, Datu Pahlawan, Temenggung, D.C. White, W.L. Dale dan Chin Shin Sen. Manakala Datu Patinggi tidak hadir.<sup>44</sup> Di antara perkara yang tercatat ialah semua hak dan aset kerajaan Brooke sama ada di dalam atau luar negeri diserahkan kepada British. Ini termasuklah kedaulatan Sarawak serta mana-mana tanggungjawab Brooke kepada kakitangan kerajaan.<sup>45</sup> Bermula dari 1 Julai 1946 Sarawak telah mengalami perubahan taraf kedudukan politik, iaitu Sarawak telah menjadi tanah jajahan mahkota British sebagaimana yang dinyatakan dalam Lampiran 14 dan 15.

Namun demikian cerita penyerahan Sarawak tidak berakhir begitu sahaja. Kita tahu soal penyerahan Sarawak kepada pihak berkuasa di London tidak mendapat sokongan yang padu di Sarawak. Sebaliknya telah menimbulkan kemarahan kepada anak tempatan Sarawak tentang perubahan kedudukan politik Sarawak. Mereka tidak putus-putus menyalurkan bangkangan dan bidasan atas perkara tersebut khasnya di kalangan orang Melayu. Mereka yang menyokong penyerahan Sarawak dianggap sebagai orang tanah jajahan dan bagi yang menentang pula digelar sebagai orang Brooke atau orang Sarawak.<sup>46</sup> Keadaan ini telah menimbulkan satu peristiwa yang penting dalam sejarah Sarawak yang dikenali sebagai gerakan anti-penyerahan. Perjuangan penduduk Sarawak timbul daripada anggapan mereka bahawa penyerahan Sarawak adalah “haram”.<sup>47</sup> Ini kerana penyerahan Sarawak tidak diterima oleh penduduknya tetapi Charles Vyner Brooke terus menyerahkan Sarawak dan diterima oleh kerajaan British, sedangkan Sarawak adalah tanah milik penduduknya. Oleh itu

tidak dapat dinasikan bahawa penyerahan Sarawak telah membawa kepada peristiwa anti-penyerahan di Sarawak. Selain Sarawak, gerakan anti-penyerahan juga berlaku di luar negeri seperti England dan Singapura.<sup>48</sup> Orang Cina pula menyokong penyerahan kerana kepentingan ekonomi mereka dan bukan politik.

Selepas Sarawak menjadi tanah jajahan mahkota British, Charles Arden Clarke<sup>49</sup> telah dilantik menjadi Gabenor pertama dan Ketua Komander Sarawak mulai 29 Oktober 1946.<sup>50</sup> Semasa pentadbirannya beliau menghadapi tantangan daripada orang Melayu Sarawak terhadap penyerahan Sarawak. Suasana tegang telah mencapai kemuncak dengan pembunuhan Gabenor kedua, Duncan Stewart<sup>51</sup> oleh Rosli Dhobi<sup>52</sup> di Sibu pada 3 Disember 1949.<sup>53</sup> Pembunuhan tersebut adalah hasil daripada pakatan Rukun Tigabelas yang kecewa dengan perjuangan menentang penyerahan tanpa membawa sebarang perubahan kepada pendirian pihak berkuasa British. Berpunca daripada rasa kekecewaan kepada gerakan anti-penyerahan yang tidak mendatangkan apa-apa kemajuan dan tindakbalas positif daripada British. Dengan itu pada 20 Ogos 1948 Rukun Tigabelas dibentuk. Rukun Tigabelas adalah persatuan sulit yang merancang untuk membunuh pegawai British dan Datu-Datu yang terlibat dalam penyerahan tersebut.<sup>54</sup> Matlamat mereka ini telah membawa kepada pembunuhan Gabenor kedua Sarawak. Mereka yang terlibat dalam pakatan pembunuhan itu ditangkap dan dihukum. Rosli Dhobi, Awang Ram bli,<sup>55</sup> Bujang bin Sun tong dihukum gantung. Manakala Abang Han,<sup>56</sup> Che Osman bin Ahmad, Mornie bin Onei, Othman bin Dollah, Ahmad bin Haji Abu Bakar, Awang Osman bin Moh dan Wan Zain bin Abdullah pula dikenakan hukuman penjara.<sup>57</sup> Pergerakan anti-

penyerahan gagal dalam usahanya membebaskan Sarawak daripada penjajahan kerajaan British. Namun perjuangan mereka tidak sia-sia sahaja sebab ianya merupakan titik permulaan kesedaran nasionalisme di kalangan penduduk Sarawak khasnya kaum Bumiputera.<sup>58</sup> Peristiwa tersebut juga mengingatkan kerajaan British agar tidak memandang ringan terhadap kehendak penduduk Sarawak.

Namun demikian bagi pihak British, pengambilan Sarawak sebagai tanah jajahan British dilakukan mengikut kemahuhan penduduknya sendiri. Menurut Lord Perth selaku Menteri Tanah Jajahan, British hanya bertindak mengambil alih pentadbiran Sarawak setelah yakin dengan persetujuan yang diberi oleh penduduknya.<sup>59</sup>

Walau bagaimanapun pembunuhan Gabenor Duncan Stewart di Sibu menggemparkan negeri Sarawak dan memberi kesan mendalam kepada gerakan anti-penyerahan. Anthony Brooke secara peribadi cuba mengelakkan diri daripada terlibat dalam mana-mana demonstrasi. Ini membawa berakhirnya gerakan anti-penyerahan di Sarawak.<sup>60</sup> Dalam pada itu *Utusan Sarawak* menyatakan pergerakan itu telah diberhentikan dalam pada Februari 1951.<sup>61</sup> Sebelum perjuangan itu berakhir pertubuhan-pertubuhan anti-penyerahan iaitu PKMS, Persatuan Dayak Sarawak (Sarawak Dayak Association/SDA),<sup>62</sup> Pergerakan Pemuda Melayu (PPM),<sup>63</sup> Angkatan Semangat Anak Negeri Sarawak (ASAS) dan Angkatan Bintawa-Astana Sarawak (ABAS) telah menghantar telegram pada 4 Februari 1951 melalui Tuan Anthony Brooke kepada Perdana Menteri British.<sup>64</sup> Perdana Menteri British telah membalias telegram tersebut pada 17 Februari 1951 yang berbunyi seperti berikut:

Kerajaan Baginda King adalah bersukachita mendapat peluang ini bagi menetapkan azam-nya yang tidak berganjak untuk memandu dan menulongkan rakyat Sarawak dalam jalanan yang ditempohkan mereka kapada berkerajaan sendiri dalam British Commonwealth. Pada masa hadapan sebagaimana pada masa yang lepas maka adalah dia terbuka dengan bebas kapada semua rakyat dalam Sarawak bagi menyatakan fikiran2 mereka dengan chara berpelembagaan berkenaan dengan jalanan yang ditempohkan kapada berkerajaan sendiri itu akan dilakukan, dan fikiran2 yang dinyatakan oleh pertubuhan2 yang sebenar-nya mewakili rakyat Sarawak akan menerima timbangannya yang paling penoh dari Kerajaan Baginda. Chara berpelembagaan yang hendak-nya ditempohkan kapada berkerajaan sendiri itu choma boleh diselesaikan dengan keadaan2 pada masa itu.<sup>65</sup>

Jawapan daripada Perdana Menteri British ini jelas membayangkan polisi sebenar kerajaan British terhadap masa depan penduduk dan negeri Sarawak.

Selepas Duncan Stewart, Anthony Abell<sup>66</sup> dilantik sebagai Gabenor Sarawak yang ketiga. Beliau berjaya mengurangkan keadaan ketegangan di Sarawak dalam tempoh pemerintahannya dari tahun 1950 hingga 1959. Sepanjang tempoh pemerintahannya, hubungan antara penduduk dengan kerajaan dapat dirapatkan. Politik, sosial, ekonomi dan pendidikan berkembang dengan stabil dan pesat. Beliau kemudiannya digantikan oleh Alexander Waddell<sup>67</sup> pada bulan Februari 1959 dan berkhidmat sehingga 15 September 1963. Pada masa inilah Tunku Abdul Rahman telah mencadangkan pembentukan Malaysia yang meliputi Tanah Melayu, Singapura, Sarawak, Borneo Utara dan Brunei.

## **REAKSI ORANG CINA**

Penyerahan Sarawak kepada kerajaan Britain telah ditentang oleh orang Melayu Sarawak. Salah satu pihak yang menunjukkan bantahan secara berani dan

terbuka ialah PKMS. Persatuan itu mengadakan tunjuk perasaan memprotes tindakan Raja Brooke menyerah Sarawak kepada kerajaan British dan seterusnya sebagai tanah jajahan mahkota British. Mereka menganggap tindakan tersebut telah melanggar Perlembagaan tahun 1941 dan menyesal kerana tidak diajak berunding terlebih dahulu. Orang Melayu juga berasa bimbang terhadap pemerintahan baru yang akan dibentuk dan kedudukan unggul mereka akan terjejas. Tambahan pula mereka mahukan raja mereka kembali memerintah dan tidak setuju negerinya dijadikan jajahan takluk British. Datu Patinggi Abang Haji Abdillah<sup>68</sup> menyatakan:

I, Datu Patinggi, the hereditary Datu and representative of the indigenous people of Sarawak, hereby make known our opinions about the question of Cession. The Cession of Sarawak to the British Government cannot be agreed to by me and the people. This decision would deprive the Rajah of his throne.<sup>69</sup>

Seterusnya beliau menyatakan Sarawak adalah negeri merdeka dan hak milik penduduk Bumiputera. Raja pula adalah pemegang amanah penduduk Bumiputera. Oleh itu kerajaan British hendaklah menghormati kemerdekaan Sarawak.<sup>70</sup>

Kumpulan ini mahu keamanan, kemakmuran dan kemerdekaan Sarawak mesti berada di bawah pemerintahan Raja-raja Brooke dan bukan di dalam tangan pihak British. Mereka telah melakukan berbagai-bagai aktiviti seperti memulaukan hari penyerahan dan menyeru pegawai kerajaan meletak jawatan secara beramai-ramai. Dianggarkan 300 hingga 400 orang kakitangan kerajaan dan guru meletak jawatan sebagai protes terhadap tindakan kerajaan. Ini kerana mereka tidak sanggup menyumbangkan kemerdekaan Sarawak kepada kerajaan British. Di samping itu

sejumlah 56 orang guru pelatih dari Kolej Latihan Guru-guru Melayu telah berhenti belajar. Sejumlah 500 pegawai kerajaan keturunan Melayu dari sekolah dan badan bukan kerajaan memohon cuti sebagai menghormati pengorbanan ahli-ahli gerakan anti-penyerahan.<sup>71</sup> Tindakan mereka tersebut digunakan sebagai muslihat hendak menyampaikan kepada pengetahuan kerajaan dan fikiran orang ramai bahawa ramai penduduk Sarawak dengan segala tulus ikhlasnya menentang penyerahan Sarawak. Sungguhpun tindakan meletakkan jawatan beramai-ramai itu tidak mendatangkan kesan yang efektif, namun ia menunjukkan kepada pemerhati-pemerhati politik bahawa pergerakan anti-penyerahan bukan sahaja satu kumpulan orang yang tidak puas hati. Tetapi bagi kumpulan itu mereka telah membuat satu keputusan yang penting dan bersejarah sebagai suatu perjuangan, pengorbanan dan tanggungjawab politik kepada bangsa dan negeri. Perletakan jawatan adalah ekoran daripada bantahan mereka terhadap Surat Pekeliling No. 9/1946. Kandungan Surat Pekeliling ini berupa amaran yang diberikan oleh British untuk menakut-nakutkan kakitangan kerajaan supaya tidak menyertai gerakan anti-penyerahan.<sup>72</sup> Kumpulan itu merujuk diri mereka sebagai kumpulan tiga-tiga-lapan (338). Angka ini diambil untuk melambangkan tentera Nabi Mohamad yang berjumlah 338 orang tetapi berjaya dalam peperangan Badar.<sup>73</sup> Sekaligus telah membangkitkan semangat 338 dan kumpulan itu merupakan kumpulan penting dalam kegiatan politik Sarawak. Boleh dikatakan sekiranya tiada Surat Pekeliling No. 9 dan tiada pertelaghan tentang penyerahan Sarawak, maka tidak berlaku bibit-bibit perjuangan kemerdekaan Sarawak.

Di samping itu kumpulan tersebut juga mengadakan perhimpunan raksasa untuk menunjukkan tentangan mereka, menghantar memorandum dan menutup kedai-kedai di bandar-bandar utama di seluruh Sarawak sebagai protes terhadap tindakan kerajaan British itu.

Awang Rambli, Setiausaha Agung PPM Bahagian Ketiga juga menyuarakan tentangan terhadap penyerahan Sarawak melalui satu kenyataan yang disiarkan dalam *Utusan Sarawak* bertarikh 7 November 1949. Di antaranya mencatatkan:

Kemerdekaan Sarawak terhapus disebabkan oleh perbuatan pembesar-pembesar yang berperasaan kolot yang dipengaruhi oleh Sir Charles Vyner Brooke.<sup>74</sup>

Perasaan dan sikap penduduk Sarawak khasnya orang Melayu terhadap soal penyerahan Sarawak telah digambarkan dengan jelas melalui surat bertarikh Julai 1946 yang ditulis oleh Mohammad bin Nor, seorang nasionalis yang menyokong pergerakan anti-penyerahan kepada Anthony Brooke. Di antara isi kandungan surat itu ialah seperti berikut:

The Sarawak People do not to be politicans as politics only make people cheat, and this cheating caused the world war. Sarawak is a peaceful and independent state with a surplus of food, no paupers, no starvation, no unemployment and no civil war. The people lived in peace and happiness and no politicans should be allowed to come into the country; but now Mac Bryan and George Hall wish to introduce politics into Sarawak so in the future there will be no happiness and no prosperity; there will be civil war, famine, strikes, demonstrations, etc.<sup>75</sup>

Di samping itu terdapat juga organisasi lain yang menyokong pergerakan anti-penyerahan seperti ASAS, ABAS, PPM, Persatuan Bumiputera Sarawak (PBS),

PKMS Kaum Ibu, Persatuan Melayu Miri, Persatuan Melayu Limbang, Perhimpunan Kabajikan Awam, Kesetiaan Kaum Muda Matu, Kesetiaan Melayu Simanggang, Kesetiaan Kelab Dalat, Sulam Mas Seria, Kaum Ibu PPM dan Kesatuan Melayu Melanau Mukah (KMMM).<sup>76</sup>

Walau bagaimanapun dalam soal itu Abang Haji Mustapha<sup>77</sup> mempunyai pendapat yang bertentangan dengan orang Melayu di atas. Beliau menyatakan bahawa walaupun Sarawak adalah sebuah negeri yang gembira; pendidikan, industri dan pertanian adalah kurang maju. Beliau percaya bahawa pembinaan semula adalah diperlukan dan ini memerlukan sokongan dari sebuah negara besar iaitu Britain. Beliau setuju dengan penyerahan Sarawak dalam keadaan di mana polisi yang ada akan dikekalkan dan hak-hak Bumiputera diambil kira.<sup>78</sup>

Sementara itu terdapat juga orang Dayak yang menentang penyerahan Sarawak kepada kerajaan British. Orang Iban khasnya di Bahagian Pertama telah menu buhkan persatuan untuk menyertai golongan anti-penyerahan Sarawak. SDA telah ditubuhkan di bawah pimpinan Philip Jitam bagi tujuan itu. Beliau pernah mengeluarkan satu kenyataan dengan tujuan menentang perubahan taraf Sarawak menjadi tanah jajahan mahkota British. Kenyataannya dalam Bahasa Iban itu diterjemahkan seperti berikut:

... Therefore on behalf of my colleagues and with honesty to myself I oppose the Cession. Further I cannot compel myself to agree even in principle, since in the first instance, this proposal of Cession does not appear to have been mutually agreed upon; unless and until reconciliation has been effected and mutual consent has been given, than I consider it inappropriate to bring this subject for discussion.<sup>79</sup>

Beliau juga pernah bercakap bagi pihak persatuan Dayak berkenaan dengan soal tersebut. Dalam hal ini beliau menyatakan:

We want to know whether these Nine Cardinal Principles would be observed by His Majesty's Government after the Cession? If we have the assurance that these principles would be respected, then we will not only agree to the Cession but the will support His Highness the Rajah.<sup>80</sup>

Pendek kata, orang Dayak dan Bumiputera lain memerlukan lebih banyak masa untuk mempertimbangkan perkara tersebut tetapi akhirnya mereka akan mengikuti keputusan Raja. Terdapat juga orang Iban dan kumpulan Bumiputera lain yang menyokong penyerahan memandangkan ia adalah hasrat Raja, asalkan dipastikan hak-hak seperti adat lama dipelihara.

Dalam pada itu kaum India, walaupun merupakan penduduk minoriti di Sarawak juga tidak ketinggalan dalam menunjukkan reaksi mereka berkenaan dengan isu penyerahan Sarawak. Pandangan mereka telah disalurkan melalui T.M. Deen yang mewakili komuniti India dan semua Indian Muslim di Kuching menyokong penyerahan. Mereka berpuas hati dengan pemerintahan Brooke dan prinsip-prinsip pemerintahannya yang mengutamakan kepentingan Sarawak. Namun begitu mereka bersedia menerima keputusan Raja serta apa yang baik untuk masa depan mereka dan juga Sarawak. Beliau menyimpulkan:

Our interest lies on the ruling principle, and we accept what is good for our future. We support His Highness the Rajah in his decision.<sup>81</sup>

Pada peringkat itu orang Cina masih kurang berminat terhadap politik Sarawak dan tidak ingin terlibat secara langsung dalam pergerakan politik tempatan. Apa yang lebih penting bagi mereka ialah perkara-perkara yang berkaitan dengan kehidupan mereka di Sarawak seperti ekonomi dan bukan masalah politik.<sup>82</sup> Ini dapat dilihat melalui sebab mengapa hanya segelintir kecil orang Cina menyokong penyerahan Sarawak secara tidak langsung setelah mengambil kira khususnya kepentingan ekonomi yang akan mereka perolehi. Secara umumnya dalam pergolakan itu orang Cina di Sarawak boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan, iaitu kumpulan yang menyokong penyerahan, kumpulan yang anti-penyerahan dan kumpulan yang berkecuali dalam soal tersebut.

Kumpulan pertama terdiri daripada mereka yang menyokong penyerahan Sarawak kerana menganggap penyerahan itu baik. Kebaikan tersebut seperti pembangunan ekonomi, pemulihan kewangan, pendidikan dan teknikal boleh dibawa oleh pihak penjajah British kepada negeri Sarawak. Ini dapat dilihat melalui kata-kata Khoo Peng Loong, wakil orang Cina di Bahagian Ketiga Sarawak pada masa itu.

Katanya:

As I am a representative of the Chinese in the Rejang River District, I give my support to the Cession for under the British Rule the two main vices, gambling and opium, will be abolished and the status of the Chinese will be raised to the same position as that of the natives of Sarawak. Under the British Rule there will be better education, better agriculture and vaster development of the country to the general advantage of all the people in the country.<sup>83</sup>

Sementara itu Ong Tiang Swee berpendapat taraf koloni adalah bermaksud

perkembangan ekonomi dan perdagangan yang lebih luas. Manakala sistem lama akan disesuaikan dengan kehendak rakyat, pemerintahan secara autokratik akan dibuang.<sup>84</sup> Anaknya, Ong Kwan Hin dan Datuk Amar Hong Guan Lin menyokong penuh penyerahan Sarawak kerana Sarawak akan memperolehi faedah melalui hubungan dengan sebuah kuasa kuat yang dapat menstabilkan taraf ekonomi negeri ini dan kemajuan Sarawak juga akan terjamin. Mereka menyatakan cukai dan hasil kerajaan tidak dapat menampung perbelanjaan membangunkan semula Sarawak.<sup>85</sup> Hasil pendapatan Sarawak pada masa lalu datang daripada cukai candu, arak, judi, cukai getah, lada, kelapa, hasil hutan, cukai emas dan minyak. Ong Kwan Hin mengesyorkan dihapuskan candu dan perjudian, sementara getah dan kelapa digalakkan kerana mendatangkan hasil yang lumayan. Malahan pula perusahaan minyak serta emas telah musnah semasa peperangan dan memerlukan masa untuk dipulihkan semula. Mereka berpendapat Sarawak adalah sebuah negeri yang bankrap, hanya Britain sahaja mampu menyediakan modal yang dikehendaki untuk pemulihan semula dan pembangunan Sarawak.<sup>86</sup> Oleh itu penyerahan Sarawak adalah perlu.

Mewakili persatuan Hua Kheow Tshin Nien, Lim Kong Ngan (林光彦) mengkritik bahawa pemerintahan Brooke adalah bersifat autokratik dan ketinggalan zaman serta mundur dalam segala aspek seperti kebudayaan, pendidikan, perkembangan ekonomi dan perhubungan. Beliau menyokong penyerahan Sarawak sekiranya penyerahan mendatangkan kemajuan dan perubahan serta membolehkan penduduk Sarawak mengambil bahagian dalam politik. Tetapi beliau menyalahkan

kerajaan British kerana tidak menjelaskan polisi-polisi kerajaannya kepada penduduk Sarawak.<sup>87</sup> Walau bagaimanapun beliau menyambut baik tindakan Raja Brooke menyerahkan Sarawak dengan menyatakan:

This generous act of His Highness the Rajah has won our respect and appreciation. I believe that Sarawak under the British rule will have a more democratic system of government and the people will enjoy more privileges and happiness as promised by H.H. the Rajah. From the local point of view, all people, irrespective of race and creed will enjoy the equal political rights under the future government and it is our desire that a real democratic system will be adopted.<sup>88</sup>

Ngui Ah Shin pula berpendapat bahawa “What is good for the Malayan should be good enough for the Sarawakian.”<sup>89</sup> Ini menunjukkan beliau bersedia menerima Sarawak diletakkan di bawah pemerintahan British secara langsung sebagaimana yang telah berlaku di Tanah Melayu. Khan Ah Chong, satu-satunya orang Cina dalam suatu temubual yang dibuat oleh pihak akhbar menyatakan penyesalan terhadap kehilangan Raja Brooke dan mencadangkan bahawa penyerahan mungkin akan membawa kepada kemajuan dari segi material, namun kemungkinan cukai akan bertambah.<sup>90</sup> Kenyataan tersebut menunjukkan yang beliau tidak begitu senang dengan penyerahan Sarawak, tetapi tidak juga menafikan kebaikannya jika Sarawak diserahkan kepada kerajaan British.

Teo Chong Loh, Kapitan Cina Sibu yang telah berada di Sarawak selama 56 tahun, ketika bercakap bagi pihak semua orang Cina di Sibu, menyatakan sokongan terhadap penyerahan Sarawak. Beliau juga menegaskan bahawa penyerahan Sarawak adalah sesuatu yang diingini dan dinanti-nantikan oleh mereka.<sup>91</sup> Dalam pada itu

penduduk Cina di Kapit juga bersetuju dengan keputusan Raja Brooke menyerahkan Sarawak. Mereka berpendapat bahawa Raja menyerahkan Sarawak kepada kerajaan Britain adalah untuk menjaga keamanan di Sarawak.<sup>92</sup> Steven Runciman juga berpendapat orang Cina menyokong penyerahan Sarawak kerana faedah ekonomi yang akan dibawa oleh pemerintahan British di Sarawak.<sup>93</sup>

Kumpulan yang menyokong penyerahan Sarawak ini kebanyakannya terdiri daripada orang Cina yang menerima pendidikan Inggeris dan yang mula menganggap negeri Sarawak sebagai tanahair mereka. Mereka menyokong penyerahan Sarawak kepada kerajaan British kerana memandangkan faedah ekonomi, khasnya yang akan dapat mereka nikmati. Begitu juga dengan para peniaga Cina dan para nasionalis Cina yang menyokong penyerahan Sarawak kerana ia bermakna peluang ekonomi yang lebih luas dan dapat menguatkan kedudukan politik mereka di Sarawak.

Kumpulan kedua terdiri daripada mereka yang masih taat setia kepada Negara China dan peka terhadap perubahan-perubahan yang berlaku di Negara China. Mereka yang termasuk dalam kumpulan ini ialah orang Cina yang menerima sistem pendidikan Cina. Mereka tidak berpendapat pemerintahan British adalah lebih baik daripada pemerintahan Brooke. Sebaliknya pemikiran politik mereka pada masa itu adalah lebih cenderung kepada kerajaan komunis yang terbentuk di Negara China. Golongan ini berpendapat hanya kerajaan komunis sahaja yang dapat membawa pemerintahan yang lebih baik kepada negeri Sarawak. Di antara mereka ada juga yang inginkan pemerintahan Brooke diteruskan seperti sebelumnya. Ini dapat dilihat melalui pendapat seorang Pendaftar Daerah yang bernama Kueh Choo Seng seperti

berikut:

The Rajah has ruled well, and even if the British Government would take up the state, the policy would be very similar, but we have to move with the times. Though the country must be developed, consideration must be given to the natives who have not yet attained the standard of modern methods. As far as I can see, the old system is more suitable to the needs of the people here. Autocratic rule nowadays is decidedly out, and as His Highness is sensible and understanding he would certainly introduce a change as required but to be fair, His Highness the Tuan Muda should succeed to the Raj.<sup>94</sup>

Lo Fey Sian lebih suka Sarawak diserahkan kepada Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nation). Namun begitu yang penting ialah soal mendapat hak-hak yang sama dengan penduduk Bumiputera di Sarawak. Beliau menyatakan bahawa “All we want is to have our status raised so that we can enjoy equal rights with the natives.”<sup>95</sup>

Sebahagian besar orang Cina yang dilahirkan di Sarawak juga menentang penyerahan Sarawak kepada kerajaan British. Ini dapat dilihat melalui telegram yang dihantar oleh Persatuan Hua Kheow Tshin Nien kepada Setiausaha Tanah Jajahan. Telegram ini menyatakan:

Mr. Ong Tiang Swee and others who signed the document were acting on their own initiative; their actions were against the public opinion of the Chinese community; and requesting the practice of democratic politics in Sarawak.<sup>96</sup>

Tuduhan ini dijawab oleh Ong Tiang Swee dalam akhbar *The Sarawak Tribune* pada akhir bulan Februari 1946. Beliau bertindak menandatangani dokumen menyokong penyerahan Sarawak kerana percaya bahawa tiada kemungkinan akan berlaku perubahan dalam kedudukan Sarawak pada masa depan dengan kepulangan

Raja Brooke.<sup>97</sup> Ini bermakna taraf Sarawak hanya akan berubah dan masa depannya akan lebih cerah sekiranya Sarawak diserahkan kepada kerajaan British.

Yao Ken Swee pula menulis kepada *Hua Kiaw Jit Pau (Overseas Chinese Daily News/华侨日报)* menyatakan:

...in view of the victory of democratic countries, it was clear that Sarawak should also follow the democratic trend which was developing in Malaya.<sup>98</sup>

Beliau juga meminta supaya kuasa kerajaan dikembalikan kepada penduduk Sarawak. Dengan itu hak-hak asasi manusia dan hak-hak bagi semua komuniti dapat dipertahankan. Yao Ken Swee juga menyeru orang Cina di Sibu bahawa mereka tidak boleh mengecualikan diri daripada perkembangan politik di Sarawak. Dia mencadangkan pembentukan sebuah jawatankuasa bagi mempercepatkan pencapaian demokrasi dan menyatakan bahawa “kami tidak harus dilayan seperti tetamu atau orang asing dalam Sarawak.”<sup>99</sup> Akhirnya beliau membuat kesimpulan seperti berikut:

We are the people of Sarawak. Whether Sarawak is to be self-governing or to come under the trusteeship of the United Nations in future, our committee for the promotion of democracy should be formed.<sup>100</sup>

Berdasarkan kenyataan yang dibuat oleh Yao Ken Swee dapat disimpulkan bahawa salah satu sebab orang Cina menentang penyerahan Sarawak adalah keimbangan hak-hak mereka akan diabaikan berbanding dengan komuniti lain di Sarawak. Seterusnya beliau menyatakan orang Cina Sarawak menuntut sistem pentadbiran yang bercorak demokrasi, bukan seperti pemerintahan mutlak di bawah

keluarga Brooke. Menurut Yao Ken Swee, satu lagi perkara yang menimbulkan kebimbangan di kalangan orang Cina Sarawak ialah kemungkinan akan berlakunya pertambahan cukai. Malahan kaum Dayak dan kakitangan kerajaan, khasnya berbangsa Eropah berpendapat bahawa kenaikan cukai adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan untuk mengembangkan perkhidmatan sosial dan ekonomi di Sarawak.

Sementara itu terdapat sekumpulan orang Cina yang bersikap acuh tidak acuh terhadap soal penyerahan Sarawak kepada kerajaan British di mana seolah-olah peristiwa itu tiada kaitan dengan mereka. Kumpulan ini terdiri daripada orang Cina yang semata-mata ingin mengumpulkan kekayaan di Sarawak dan kemudian pulang ke Negara China. Oleh itu mereka tidak ingin terlibat dalam pergolakan politik yang berlaku di negeri Sarawak.

Walau bagaimanapun secara keseluruhannya tidak dapat dinafikan bahawa reaksi orang Cina terhadap peristiwa penyerahan Sarawak kepada kerajaan British adalah tidak begitu menonjol dan tidak sehebat komuniti Melayu yang membawa kepada pembunuhan Gabenor Sarawak. Orang Cina hanya sekadar menunjukkan sokongan atau perasaan tentang mereka melalui media massa terutamanya akhbar. Dengan itu boleh dikatakan orang Cina memang menunjukkan reaksi terhadap peristiwa yang bersejarah itu tetapi reaksi mereka tidak radikal dan tidak meninggalkan kesan yang mendalam sama ada di kalangan masyarakat ataupun pemerintahan British di Sarawak. Boleh dikatakan pada peringkat ini kesedaran nasionalisme terhadap Sarawak masih tidak wujud di kalangan orang Cina Sarawak

berbanding dengan orang Melayu dan Dayak.

Di kalangan pegawai-pegawai kerajaan British ada juga yang tidak menyetujui penyerahan Sarawak tetapi dipaksa menerima keputusan Raja Charles Vyner Brooke supaya kedudukan mereka terjamin. Dua orang pegawai tinggi pentadbiran Sarawak, Corson dan F.H. Pollard<sup>101</sup> yang tidak setuju dengan penyerahan Sarawak telah disenaraikan sebagai pegawai yang bersara<sup>102</sup> walaupun mereka belum sampai umur bersara. Ini sebenarnya merupakan satu amaran kepada pegawai-pegawai kerajaan supaya tidak menentang kehendak Raja mereka.

Walaupun bantahan dan tentangan ditunjukkan bagi menggagalkan proses penyerahan Sarawak, akhirnya pada 1 Julai 1946 Sarawak secara rasmi telah diserahkan kepada Pejabat Kolonial di London. Ternyata pihak berkuasa British tidak mahu bertolak ansur terhadap bangkangan yang ditunjukkan oleh golongan anti-penyerahan. Lantas sikap tidak ambil peduli dan memandang rendah perjuangan golongan penentang telah menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan pejuang anti-penyerahan sehingga mencapai kemuncaknya dengan pembunuhan Duncan Stewart, Gabenor kedua Sarawak.

Sistem pemerintahan autokratik yang dilaksanakan di bawah Raja Brooke bermakna hanya Raja Sarawak yang berhak membuat keputusan. Oleh kerana usia Raja yang semakin meningkat, tiada pengganti yang berwibawa dan keadaan Sarawak selepas perang, maka campur tangan kerajaan British adalah perlu. Keputusan meletakkan Sarawak di bawah Kerajaan British adalah satu pilihan yang sebetulnya. Oleh itu Raja Charles Vyner Brooke berusaha menjadikannya satu kenyataan. Dalam

soal ini Raja Brooke dan kerajaan British bukan melihat kepada apa yang dikehendaki oleh penduduk Sarawak tetapi hanya mempertimbangkan apa yang mereka sendiri inginkan di Sarawak.

J.B. Archer (Pengerusi Sidang Majlis Negri yang meluluskan undi penyerahan Sarawak) menulis dalam *The Sarawak Gazette* pada bulan April 1948, iaitu beberapa bulan sebelum beliau meninggal dunia, menyatakan penamatkan pemerintahan Brooke adalah sesuatu yang pasti tidak dapat dilakukan. Dalam hal itu beliau menyatakan:

The State was not run on orthodox lines, and I suppose that some modern thinkers would say that it was sheer autocracy, oligarchy and despotic benevolence, and of course so it was. It was run very well. But it could not have gone on much longer. The first world war shook it a bit but left the foundations cracked but standing. The second world war finished it off.

It has been said that the Constitution of 1941 was the panacea of the ills of Sarawak; it was the pill to palliate the sickness which had been growing for some time.

By 1945 the time had come to realise that the old Sarawak was creaking. Good for a few years more, perhaps, but going for all that. Of course the people, who are the ones who had a sentimental affection for the old regime, and so too did the men who had worked for so long in the administration, be they Asiatic or European.

Regrets, tears and recriminations are in vain. The old love is gone and the new one is here.<sup>103</sup>

Walaupun pergerakan anti-penyerahan telah gagal mencapai tujuannya dalam mengembalikan pemerintahan Brooke di Sarawak, namun ia telah meninggalkan kesan yang penting dalam perkembangan sejarah politik Sarawak. Pergerakan anti-penyerahan telah memainkan peranan penting dalam membawa Sarawak ke arah pembentukan Malaysia. Ini kerana salah satu sebab yang mendorong pihak British menyokong penuh pembentukan Malaysia ialah mereka sedar bahawa kehadiran

mereka di Sarawak tidak disukai oleh golongan anti-penyerahan.<sup>104</sup>

## **POLISI BRITISH TERHADAP ORANG CINA SELEPAS PENYERAHAN SARAWAK**

Walaupun orang Cina tidak menunjukkan tentangan secara terus terang sebagaimana orang Melayu tetapi pihak British mula mengubah polisinya terhadap orang Cina selepas penyerahan Sarawak. Polisi British terhadap orang Cina dapat dilihat melalui ucapan Gabenor Sarawak, Charles Arden Clarke dalam satu majlis makan tengah hari yang diadakan pada 10 Julai 1949 di Dewan Perniagaan Cina, Kuching untuk meraikan Gabenor yang akan ditukarkan ke Gold Coast, Afrika.<sup>105</sup> Ucapan beliau dapat membayangkan hakikat polisi British yang sebenarnya terhadap orang Cina di Sarawak.

Dalam ucapan itu, Charles Arden Clarke telah bercakap tentang perang saudara di Negara China di mana kerajaan British tidak dan belum pernah bermaksud hendak mencampuri hal-ehwal politik Negara China. Demikian juga sebarang pihak kerajaan China tidak akan mencampuri hal-ehwal siasah dalam negeri Sarawak. Beliau juga menyatakan bahawa pencerobohan dalam Negara China dapat membangkitkan semangat orang Cina Sarawak tetapi ia tidak ada kena-mengena dengan pihak mereka. Begitu juga dengan keadaan sebaliknya.<sup>106</sup>

Berdasarkan kenyataan di atas, boleh diertikan bahawa orang Cina Sarawak tidak berhak campur tangan dalam hal-hal politik negeri Sarawak. Jelaslah bahawa pihak British cuba melarang orang Cina untuk berpolitik. Sebaliknya pihak British

pernah berjanji kepada orang Cina bahawa mereka akan diberi hak yang sama dengan kaum Bumiputera di Sarawak. Sehubungan dengan perkara di atas, pengakuan pernah dibuat oleh Menteri Tanah Jajahan British, Lord Listowel kepada orang Cina dalam satu majlis yang diadakan di Kelab Teo Kiaw pada 9 Ogos 1948. Lord Listowel berjanji bahawa “Semua bangsa China dalam Sarawak akan diberi hak dan kebebasan seperti lain-lain puak Bumiputera Sarawak.”<sup>107</sup> Oleh itu keadaan yang sedemikian sudah tentu menimbulkan tentang daripada orang Cina Sarawak yang sudah beberapa tahun mendiami Sarawak secara turun-temurun dan mula menyifatkan Sarawak sebagai tanahair mereka serta bersedia menjadi rakyat negeri ini.

Polisi British di atas boleh dikatakan sebagai satu tipu muslihat dan pujukan sahaja untuk mengelirukan atau mengubah sikap baru orang Cina yang tinggal di Sarawak. Pengakuan yang dibuat semata-mata untuk menarik kerjasama, bantuan dan sokongan daripada orang Cina supaya segala cita-cita British dalam negeri Sarawak tercapai dengan sempurnanya. Polisi British yang sebegini rupa terhadap orang Cina juga disebabkan orang Cina selama ini hanya dipandang sebagai golongan imigran dan tidak berhak campur tangan dalam politik Sarawak. Malahan selepas tahun 1949, kawalan terhadap imigran Cina ke Sarawak telah diperketatkan kerana kebangkitan kuasa komunis di Negara China. *Sarawak Annual Report 1949* telah melaporkan:

Control of immigration was tightened, and an Immigration Department established. An Ordinance providing for National Registration was passed in May. This measure is designed to

prevent the illegal infiltration into Sarawak of undesirable elements. . .<sup>108</sup>

Kawalan ketat ke atas penghijrahan orang Cina ke Sarawak diteruskan pada tahun-tahun 1950-an. *Sarawak Annual Report 1952* telah mencatatkan:

Control of immigration was tightened during 1952 by reducing to 12 years the age limit of alien children coming to Sarawak to join their parents who are Sarawak residents. Until October the age limit had been 14 years of age. The reduction to 12 years brings the practice in Sarawak into line with that in neighbouring British territories.<sup>109</sup>

Kesimpulannya penglibatan penduduk Sarawak dalam pergerakan politik tempatan menunjukkan sebenarnya mereka adalah sedar dan giat dalam lapangan politik, tetapi kegiatan politik yang wujud pada masa itu adalah kegiatan yang bukan pertubuhan parti politik. Ia mungkin boleh disebutkan sebagai kegiatan politik dalam peringkat yang pertama iaitu dalam tahap yang belum lagi melibatkan penubuhan parti politik di Sarawak.

Kesan-kesan tinggalan penaklukan Jepun seperti keadaan sosial yang tidak teratur dan ekonomi yang meleset telah memberi alasan kepada kerajaan Britain untuk menjajah negeri Sarawak. Penyerahan Sarawak kepada kerajaan Britain telah menandakan hancurnya hirarki sosial tradisional dan runtuhnya kuasa aristokrat dalam pentadbiran selepas itu. Bagi orang Cina segala peranan yang dimainkan oleh Kapitan Cina dan Dewan Perniagaan Cina sudah diserapkan ke dalam Majlis Negri. Orang tempatan mula menuntut hak masing-masing dan menggunakan organisasi-organisasi sebagai satu cara untuk menyalurkan suara hati mereka serta sebagai

lambang penyatuan di kalangan mereka. Justeru itu dapatlah dikatakan pendudukan Jepun telah mencorakkan perkembangan politik di negeri ini.

Pengambilan Sarawak sebagai tanah jajahan mahkota British telah memberi kebaikan kepada semua kaum di Sarawak termasuklah orang Cina. Kebudayaan, cara hidup yang bermanfaat dipelihara dan kedudukan istimewa kaum Bumiputera ke atas hak-hak tanah telah dikenalpasti. Tanah jajahan telah berkembang dengan stabil menuju ke arah pemulihan daripada kesan perang dan penaklukan Jepun. Pentadbiran kolonial juga telah menambahkan kadar kemajuan dalam ekonomi, sosial dan meningkatkan taraf hidup penduduk Sarawak. Langkah pertama yang diambil oleh pihak berkuasa ialah memimpin negeri Sarawak ke arah berkerajaan sendiri. Pendek kata, pentadbiran British telah mempercepatkan negeri Sarawak ke arah berkerajaan sendiri dan kemudian kemerdekaan yang diharap-harapkan oleh semua penduduk Sarawak. Penglibatan kerajaan British telah membawa politik Sarawak ke arah yang lebih matang dan berkembang dengan lebih rancak.

---

<sup>1</sup> Dalam konteks ini penduduk Sarawak dalam pemerintahan Brooke mengakui bahawa Raja Brooke telah memberi kemerdekaan kepada Sarawak daripada penjajahan Brunei.

<sup>2</sup> Setelah penyerahan Sarawak, Raja Vyner Brooke hanya memberi perintah kepada penduduk Sarawak pada hari ulang tahun pertama penyerahan Sarawak kepada British. Maklumat lanjut, lihat *The Malay Mail*, 1 Julai 1947, hlm. 3.

<sup>3</sup> *The Straits Times*, 16 April 1946, hlm. 1; 25 April 1946, hlm. 4. Lihat juga *The Sarawak Gazette*, 31 Julai 1978, hlm. 162.

<sup>4</sup> *Nanyang Siang Pau*, 27 Ogos 1996, hlm. A8. *The Sarawak Gazette*, 30 April 1970, hlm. 77. Francis Wong Hoy Kee & Ee Tiang Hong, *Education in Malaysia*, hlm. 51. Syed Idrus Syed Ahmad & R. Santhiram, *Perkembangan Pendidikan di Sarawak*, hlm. 117. John Bastin and Robin W. Winks (penyusun), *Malaysia: Selected Historical Readings*, hlm. 326.

<sup>5</sup> Raja Muda, Anthony Brooke tidak setuju dengan penyerahan Sarawak. Beliau berpendapat Sarawak mempunyai sumber kewangan tersendiri dan ia tidak perlu meminta pinjaman daripada kerajaan Britain. *The Straits Times*, 4 Februari 1946, hlm. 3. Di samping itu beliau juga menyatakan bahawa "I will fight tooth and nail any proposal that Sarawak shall become a Crown Colony before the people of Sarawak have been consulted under their own constitution." *The Straits Times*, 22 Januari 1946, hlm. 4. Penentangan Anthony Brooke yang lebih lanjut, sila lihat *The Straits Times*, 8 Februari 1946, hlm. 1. *The Malay Mail*, 27 Januari 1949, hlm. 4.

<sup>6</sup> *The Sarawak Gazette*, 2 Julai 1947, hlm. 118. Lihat juga L.R. Wright, *The Origins of British Borneo*, (Hong Kong: Hong Kong University Press, 1970), hlm. 60.

<sup>7</sup> *Utusan Sarawak*, 13 November 1950, hlm. 2. Konflik antara Charles Vyner Brooke dengan Anthony Brooke, lihat *The Malay Mail*, 12 Disember 1946, hlm. 1; 20 Disember 1946, hlm. 1; 28 Disember 1963, hlm. 1.

<sup>8</sup> Saul Rose, *Britain and South-East Asia*, (Baltimore: The Johns Hopkins Press, 1962), hlm. 147. Lihat juga Haji Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 55-57.

<sup>9</sup> Lihat *Radio Times of Sarawak*, Programmes from 19 May to 18 June 1957, Vol. 3, No. 11, hlm. 30; Programmes from 17 November to 30 November 1957, Vol. 2, No. 24, hlm. 28.

<sup>10</sup> George Hall (1881-1965) dilahirkan pada tahun 1881 dan meninggal dunia pada tahun 1965. Beliau mendapat pendidikan di Penrhycceiber Elementary School. Beliau mula bekerja di lombong arang batu Penrhycceiber ketika berumur 12 tahun. Beliau pernah berkhidmat sebagai Setiausaha di Pejabat Tanah Jajahan pada tahun 1940-1942, Setiausaha Kewangan pada 1942-1943 dan Setiausaha Tanah Jajahan pada 1945 hingga 1946. A.J. Stockwell, *British Policy and Malay Politics during the Malayan Union Experiment, 1942-1948*, hlm. 179-180. Ramlah Adam, *Dato' Onn Ja'afar: Pengasas Kemerdekaan*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992), hlm. 102.

<sup>11</sup> *The Sarawak Tribune*, 9 Februari 1946, hlm. 1. Lihat juga *The Straits Times*, 8 Februari 1946, hlm. 1. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 188.

<sup>12</sup> Maklumat lanjut, sila rujuk Lampiran 2.

<sup>13</sup> *The Sarawak Tribune*, 4 Oktober 1950, hlm. 2.

<sup>14</sup> *Utusan Sarawak*, 10 April 1950, hlm. 3.

<sup>15</sup> See *Hua Daily News*, 17 Oktober 1996, hlm. 8.

<sup>16</sup> Keterangan lanjut, sila lihat *Sarawak Annual Report 1949*, hlm. 3.

<sup>17</sup> Surat daripada Setiausaha Negeri Sarawak kepada Setiausaha Pertahanan yang bertarikh 9 Disember 1941 dalam fail B. 12/3 di Muzium Negeri Sarawak.

<sup>18</sup> *The Sarawak Tribune*, 16 Januari 1946, hlm. 2. Haji Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 49-50.

<sup>19</sup> Edward Gent dilahirkan pada tahun 1895 dan meninggal dunia pada tahun 1948. Beliau mendapat pendidikan di King's School, Canterbury dan Oxford. Beliau berkhidmat di Itali antara tahun 1914 hingga 1918. Beliau menjadi Penolong Ketua Pejabat Tanah Jajahan pada tahun 1920, Ketua Pejabat Tanah Jajahan pada tahun 1926 dan Timbalan Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan pada tahun 1939. Beliau juga merupakan orang penting dalam perancangan Malayan Union untuk Tanah Melayu pada tahun 1946-1948. Beliau juga adalah ahli perwakilan tinggi Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948. A.J. Stockwell, *British Policy and Malay Politics during the Malayan Union Experiment, 1942-1948*, hlm. 179.

<sup>20</sup> Charles Frederick Cunningham Macaskie (1888-1967) berasal dari Yorkshire dan pernah melawat Kanada, Australia dan New Zealand. Pada tahun 1910, beliau menyertai Perkhidmatan Awam Borneo Utara dan memegang jawatan Ketua Hakim serta Penolong Gabenor di antara tahun 1934 hingga 1945. Pada tahun 1942, beliau dilantik sebagai Ketua Unit Perancangan Borneo dalam Pejabat Kolonial. Beliau bertugas sebagai Pengguna BBCAU ketika zaman pentadbiran tentera British. Rujuk R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 42.

<sup>21</sup> *The Straits Times*, 25 Oktober 1945, hlm. 1. Lihat juga Wendy Hutton (ed.), *Sabah & Sarawak with Brunei Darussalam*, (Singapore: Periplus Editions, 1993), hlm. 36. Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak 1946-1966*, hlm. 42-43.

<sup>22</sup> Bob Reece, *Datu Bandar*, hlm. 89-90. Vernon L. Porritt, *British Colonial Rule in Sarawak, 1946-1963*, hlm. 1-2. Di Tanah Melayu dicadangkan sembilan sultan negeri-negeri Melayu menyerahkan kuasa mereka dan perlombagaan baru bagi Malayan Union akan diperkenalkan. Begitu juga Sultan Brunei akan menyerahkan kuasa pentadbiran kepada kerajaan British. Untuk Malayan Union, lihat *China Press*, 16 April 1946, hlm. 2; 18 April 1946, hlm. 4. *The Straits Times*, 13 Oktober 1945, hlm. 3; 16 Oktober 1945, hlm. 4; 3 November 1945, hlm. 3; 9 Mac 1946, hlm. 4; 29 Mac 1946, hlm. 2; 3 April 1946, hlm. 2; 18 April 1946, hlm. 2 dan 3; 20 April 1946, hlm. 2. *The Malay Mail*, 2 Januari 1947, hlm. 5. *Nanyang Siang Pau*, 24 Januari 1946, hlm. 1. Lihat juga Khong Kim Hoong,

*Merdeka! British Rule and The Struggle for Independence in Malaya, 1945-1957*, (Selangor INSAN, 1984), hlm. 73-79 James de V Allen, *The Malayan Union*, (New Haven: Yale University Press, 1967) A.J. Stockwell, *British Policy and Malay Politics during the Malayan Union Experiment, 1942-1948*, hlm. 21-38. Albert Lau, *The Malayan Union Controversy 1942-1948*, (Singapore: Oxford University Press, 1991), hlm. 28-63 Ramlah Adam, *Dato' Onn Ja'afar: Pengasas Kemerdekaan*, hlm. 81. Cheah Boon Kheng, *Komrad Bertopeng*, hlm. 8-9 Untuk Brunei, lihat D S Ranjit Singh, *Brunei, 1839-1983: The Problems of Political Survival*, hlm. 124-130

<sup>23</sup> Bob Reece, *Datu Bandar*, hlm. 90 Vernon L. Porritt, *British Colonial Rule in Sarawak, 1946-1963*, hlm. 2

<sup>24</sup> “... in Sarawak that all authority derives from the Rajah. The people trust the Rajah and what the Rajah advises for the people is the will of the people ... No power nor personal interest shall subvert my people's happiness and future. The happiness of your future lies in another realm. There shall be no Rajah of Sarawak after me. My people will become the subjects of The King. Now draws near the time when I will come to you. Expect me soon” *The Sarawak Tribune*, 8 Februari 1946, hlm. 2. Lihat juga *The Malay Mail*, 27 Januari 1949, hlm. 4 *British Borneo Military Administration Gazette*, 11 Februari 1946.

<sup>25</sup> *The Straits Times*, 8 Februari 1946, hlm. 1 Ucapan tersebut juga dipetik oleh *The Sarawak Tribune*, 8 Februari 1946, hlm. 2 Lihat juga *British Borneo Military Administration Gazette*, 11 Februari 1946.

<sup>26</sup> *The Sarawak Tribune*, 22 Februari 1946, hlm. 2

<sup>27</sup> *The Sarawak Tribune*, 20 Februari 1946, hlm. 1

<sup>28</sup> See *Hua Daily News*, 22 Oktober 1996, hlm. 8.

<sup>29</sup> Di antara mereka ialah Datu Pahlawan Abang Haji Mustapha, Datu Amar Abang Sulaiman, Datu Hakim Abang Haji Mohidin, Datu Menteri Encik Zain dan Datu Patinggi Abang Haji Abdillah

<sup>30</sup> Pemimpin Melayu menyatakan mereka menandatangani persetujuan cadangan penyerahan kerana percaya bahawa ia akan membawa kebebasan, kemakmuran dan kebahagiaan kepada penduduk Sarawak. Datu Patinggi pula menyatakan bahawa beliau menyangka ia adalah surat rayuan yang meminta Raja terus tinggal di Sarawak. Datu-Datu Melayu mendakwa bahawa mereka diberi rasuah sebanyak \$12,000.00 seorang supaya menandatangani persetujuan tersebut. Tetapi menurut Raja Charles Vyner Brooke, bayaran tersebut merupakan eluan yang belum dibayar kepada mereka sejak permulaan pendudukan Jepun di Sarawak. Keterangan lanjut, sila lihat *The Straits Times*, 20 April 1946, hlm. 1; 22 April 1946, hlm. 3.

<sup>31</sup> Tan Bak Lim dilahirkan pada tahun 1897 di Kampung Xi Shan Xin Xiang, Wilayah Jie Yang, Chao Chou, Guangdong, China. Semasa berusia 12 tahun telah meninggalkan Negara China dan datang ke Sarawak pada tahun 1908. Mendapat pendidikan di Sekolah Katolik, Kuching. Pada tahun 1920, beliau menubuhkan Kompeni Hoon Joo di Kuching. Beliau dilantik sebagai Ketua komuniti Teochew di Sarawak pada tahun 1940 oleh Raja Brooke dan menjadi ahli Majlis Negri pada tahun 1941. Beliau mewakili Persatuan Teochew dalam menandatangani kenyataan menyokong penyerahan Sarawak. Beliau juga pernah menjadi Pengurus Dewan Perniagaan Cina dan Persatuan Teochew di Kuching. Lee Kam Hing & Chow Mun Seong, *Biographical Dictionary of the Chinese in Malaysia*, hlm. 147.

<sup>32</sup> Robert H.W. Reece, 'The Cession of Sarawak to the British Crown in 1946', hlm. 314. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 201.

<sup>33</sup> MacMichael bekerja untuk kerajaan British dan cuba merampas kuasa pemerintahan daripada Raja-raja Melayu dengan cara kekerasan dan tipu helah demi menjayakan rancangan Malayan Union. Namun demikian polisi Malayan Union ditentang oleh seluruh masyarakat daripada pemerintah Melayu sehingga pihak komunis apabila taktik kerajaan British diketahui. Orang Cina juga menentang Malayan Union kerana ia tidak sesuai dengan cita-cita mereka untuk penyertaan secara demokrasi dalam politik selepas perang. Ini seterusnya membawa sokongan mereka kepada aktiviti pihak komunis di Tanah Melayu. Khong Kim Hoong, *Merdeka! British Rule and The Struggle for Independence in Malaya, 1945-1957*, hlm. 79-98. Cheah Boon Kheng, *Komrad Bertopeng*, hlm. 17-18. *The Straits Times*, 29 Mac 1946, hlm. 2.

<sup>34</sup> *The Straits Times*, 1 April 1946, hlm. 1.

<sup>35</sup> C.O. 531/33, North Brunei, Brunei, Sarawak: Original Correspondence, 1907-1951, hlm. 195. *Radio Times of Sarawak*, Programmes from 1 December to 14 December 1957, Vol. 3, No. 25, hlm. 29. Lihat juga *The Straits Times*, 8 Februari 1946, hlm. 1; 5 Mac 1946, hlm. 2.

<sup>36</sup> C.W. Dawson dilahirkan pada 31 Mei 1896. Beliau mendapat pendidikan di Kolej Dulwich dan kemudian ditawarkan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran di Kolej Brasenose, Oxford. Beliau berkhidmat dalam Malayan Civil Service (MCS) dan sebagai seorang Kadet pada tahun 1920. Beliau pernah berkhidmat di Singapura dan Johor serta sebagai Pegawai Daerah di Alor Gajah, Kedah. Di antara tahun 1933 hingga 1938, beliau menjadi Penasihat Undang-undang dan Hakim di Kedah. Pada tahun 1938, beliau dilantik sebagai Penasihat British di Perlis. Pada zaman perang, beliau menjadi Setiausaha Pertahanan (Tanah Melayu) di Singapura. Beliau kemudian berkhidmat di Sarawak selama empat tahun sehingga bersara pada awal tahun 1950. Beliau dianugerahkan C.M.G. pada tahun 1947 oleh kerajaan British. Rujuk R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 217.

<sup>37</sup> David Rees William dilahirkan pada tahun 1903. Beliau mendapat pendidikan di Mill Hill School dan Universiti Wales. Pada tahun 1929, beliau diberi penghormatan dalam dunia undang-undang. Beliau diberi pangkat Lt. Kolonel kerana perkhidmatannya pada zaman Perang Dunia Kedua. Beliau merupakan ahli dalam Misi Kerajaan British ke Sarawak pada tahun 1946. Beliau juga pernah menjadi Pengurus Burma Frontier Areas Committee of Enquiry pada tahun 1947, bertugas di Pejabat Tanah Jajahan antara tahun 1947 hingga 1950 dan Pejabat Komanwel di antara tahun 1950 hingga 1951. Beliau menjadi Menteri Penerangan Awam di antara Jun hingga Oktober 1951. A.J. Stockwell, *British Policy and Malay Politics during the Malayan Union Experiment, 1942-1948*, hlm. 181.

<sup>38</sup> Kapten L. David Gammans dilahirkan pada tahun 1895 dan meninggal dunia pada tahun 1957. Beliau mendapat pelajaran di Portsmouth Grammar School dan Universiti London. Beliau berkhidmat di Perancis di antara tahun 1914-1918 dan MCS dari tahun 1920 hingga 1934. Beliau pernah menjadi ahli perwakilan British ke Persidangan Hubungan Pasifik, Kanada pada tahun 1942 dan Amerika Syarikat pada tahun 1945. Beliau kemudian menjadi ahli perwakilan Parlimen British ke Sarawak pada tahun 1946. A.J. Stockwell, *British Policy and Malay Politics during the Malayan Union Experiment, 1942-1948*, hlm. 179.

<sup>39</sup> *Radio Times of Sarawak*, Programmes from 1 December to 14 December 1957, Vol. 3, No. 25, hlm. 29. *Annual Report 1947*, hlm. 4. Lihat juga Haji Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 73-77. *The Straits Times*, 29 Mac 1946, hlm. 4; 24 April 1946, hlm. 1. *The Malay Mail*, 16 Mei 1946, hlm. 1; 21 Disember 1946, hlm. 1. *The Sarawak Gazette*, 31 Oktober 1980, hlm. 187.

<sup>40</sup> Dipetik dari St. J. Hepburn, *The Handbook of Sarawak*, hlm. 24. Lihat juga *Radio Times of Sarawak*, Programmes from 1 December to 14 December 1957, Vol. 3, No. 25, hlm. 29.

<sup>41</sup> *The Sarawak Tribune*, 18 Mei 1946, hlm. 1. C.O. 531/33, North Borneo, Brunei, Sarawak: Original Correspondence, 1907-1951, hlm. 195. Lihat juga *Sarawak Annual Report 1947*, hlm. 4. Rujuk juga *The Malay Mail*, 17 Mei 1946, hlm. 1. *The Sarawak Gazette*, 31 Julai 1972, hlm. 129; 31 Julai 1978, hlm. 162; 31 Oktober 1980, hlm. 188. Fong Hon Kah, *A History of the Development of Rajang Basin Sarawak*, hlm. 72. Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak 1946-1966*, hlm. 44.

<sup>42</sup> Keterangan lanjut, sila lihat Lampiran 12.

<sup>43</sup> See *Hua Daily News*, 15 dan 17 Oktober 1996, hlm. 8.

<sup>44</sup> C.O. 531/32, North Borneo, Brunei, Sarawak: Original Correspondence, 1907-1951, hlm. 2. Lihat juga *The Sarawak Tribune*, 22 Mei 1946, hlm. 1. *Radio Times of Sarawak*, Programmes from 1 December to 14 December 1957, Vol. 3, No. 25, hlm. 29. *Sarawak Annual Report 1947*, hlm. 4. *Nanyang Siang Pau*, 1 Julai 1946, hlm. 3. *The Malay Mail*, 1 Julai 1946, hlm. 2 dan 4. *The Sarawak Gazette*, 31 Julai 1972, hlm. 130; 31 Oktober 1980, hlm. 188. Constitutional Documents (Box C, Arkib Negeri Sarawak).

<sup>45</sup> Untuk keterangan lengkap sila lihat Lampiran 13.

<sup>46</sup> *Radio Times of Sarawak*, Programmes from 1 December to 14 December 1957, Vol. 3, No. 25, hlm. 28-29. Tentangan selanjutnya berkenaan penyerahan Sarawak, lihat *The Straits Times*, 2 Mac 1946, hlm. 2.

<sup>47</sup> *Utusan Sarawak*, 1 Februari 1951, hlm. 2.

<sup>48</sup> See *Hua Daily News*, 26 Oktober 1996, hlm 8

<sup>49</sup> Charles Arden-Clarke dilantik menjadi Gabenor Sarawak yang pertama dari tahun 1946 sehingga tahun 1949 iaitu kira-kira tiga tahun. Beliau ditabalkan sebagai Gabenor Sarawak pada 29 Oktober 1946 di Kuching. Beliau pernah berkhidmat dalam pentadbiran tanah jajahan di Afrika sejak tahun 1920 sehingga dilantik menjadi Gabenor di Sarawak. *Utusan Sarawak*, 2 Mac 1957, hlm 1, 8 Ogos 1949, hlm 2. Rujuk juga *The Sarawak Gazette*, 1 November 1946, hlm. 35. John Bastin and Robin W Winks (penyusun), *Malaysia: Selected Historical Readings*, hlm 326. Lihat Lampiran 16

<sup>50</sup> *The Sarawak Gazette*, 2 Januari 1947, hlm 2, 31 Ogos 1972, hlm 146. *Chung Wha Journal*, 3 April 1950, hlm. 1; 5 April 1950, hlm 4.

<sup>51</sup> Duncan George Stewart dilahirkan di Transvaal pada tahun 1904. Beliau mendapat pendidikan di Winchester dan Kolej Oriel, Oxford. Beliau menyertai perkhidmatan kolonial pada tahun 1928 dan ditabalkan menjadi Gabenor Sarawak yang kedua pada 14 November 1949 (rujuk Lampiran 16). Beliau telah ditikam semasa membuat lawatan ke Sibu pada 3 Disember 1949 dalam perjalanan dari dermaga ke pejabat kerajaan dan meninggal dunia di Singapura pada 10 Disember 1949. Maklumat lanjut tentang Sir Duncan Stewart, lihat *The Sarawak Gazette*, 7 Oktober 1949, hlm. 250; 7 Januari 1950, hlm. 5. *Utusan Sarawak*, 30 Oktober 1949, hlm. 2. *The Straits Times*, 19 November 1949, hlm. 4; 5 Disember 1949, hlm 1. Keterangan lanjut tentang peristiwa pembunuhan Duncan Stewart, sila rujuk *The Sarawak Gazette*, 7 Disember 1949, hlm. 313-315; 31 Ogos 1972, hlm. 146-147. *Utusan Sarawak*, 12 Disember 1949, hlm. 4, 13 Disember 1949, hlm. 4. Lihat juga *The Sarawak Tribune*, 12 Disember 1949, hlm. 2. *The Sarawak Government Gazette*, 16 Disember 1949, hlm. 609. *The Straits Times*, 5 Disember 1949, hlm 1; 6 Disember 1949, hlm. 1, 12 Disember 1949, hlm. 1 dan 5. *Nanyang Siang Pau*, 5 Disember 1949, hlm. 6; 6 Disember 1949, hlm. 5, 7 Disember 1949, hlm. 5; 9 Disember 1949, hlm. 5; 11 Disember 1949, hlm. 5. Fong Hon Kah, *A History of the Development of Rajang Basin Sarawak*, hlm. 73.

<sup>52</sup> Ahli Rukun Tigabelas dan adalah guru Melayu di Sibu. Beliau telah menikam Duncan Stewart semasa lawatannya ke Sibu pada 3 Disember 1949. Pada masa itu beliau berusia 19 tahun. Beliau kemudian telah dijatuhi hukuman mati. Untuk maklumat lanjut, sila lihat Syed Hussein Alattas, *Kenapa Rosli Dhobi dan Tiga Hero Dihukum Bumih?*, (Johore: Alattas Enterprise, 1975), hlm. 84. Rujuk juga *Radio Times of Sarawak, Programmes from 1 to 14 December 1957*, Vol. 3, No. 25, hlm. 28. *Chung Wha Journal*, 16 Februari 1950, hlm. 4. *The Straits Times*, 12 Disember 1949, hlm. 1.

<sup>53</sup> *The Sarawak Gazette*, 7 Disember 1949, hlm. 313-315. *The Sarawak Tribune*, 12 Disember 1949, hlm. 2. *Utusan Sarawak*, 12 Disember 1949, hlm. 4; 13 Disember 1949, hlm. 4. *The Sarawak Government Gazette*, 16 Disember 1949, hlm. 609. Lihat juga Sanib Said, 'Anti-Cession Movement 1946 to 1951: The Birth of Nasionalism in Sarawak', hlm. 32-59. Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak 1946-1966*, hlm. 56.

<sup>54</sup> Matlamat penubuhan Rukun Tigabelas adalah: (a) The party's first objective was to sacrifice themselves if necessity arose; (b) They must await a future occasion when they would take precise actions; (c) To assassinate the Governor and other British officials and the Malay Datu's. *The Sarawak Gazette*, 30 April 1976, hlm. 76. Lihat juga Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak 1946-1966*, hlm. 54.

<sup>55</sup> Awang Rambli bin Mohd. Deli dilahirkan di Muara, Brunei pada tahun 1912. Beliau tinggal beberapa tahun di Kuching semasa kanak-kanak dan menghadiri Sekolah Inggeris sehingga darjah tiga. Beliau mula menyertai Jabatan Kastam pada Julai 1929 dan merupakan salah seorang kakitangan yang meletakkan jawatan sebagai bantahan terhadap penyerahan Sarawak kepada British pada awal 1946. Beliau pada mulanya menyertai Persatuan Pemuda Melayu (Youth Malay Association/YMA) di Kuching dan kemudian menjadi ahli Pergerakan Pemuda Melayu (PPM), Sibu yang aktif. Salah seorang perancang dalam pembunuhan Gabenor Duncan Stewart pada bulan Disember 1949. Beliau dihukum gantung pada 23 Mac 1950 ketika berusia 38 tahun. *Radio Times of Sarawak, Programmes from 1 December to 14 December 1957*, Vol. 3, No. 25, hlm. 28. Lihat juga *The Sarawak Tribune*, 5 Disember 1949, hlm. 1; 6 Disember 1949, hlm. 1; 7 Disember 1949, hlm. 1.

<sup>56</sup> Abang Han bin Abang Ahmad dilahirkan di Sibu pada tahun 1925. Beliau pernah bekerja sebagai penguji minyak di Makmal Minyak Shell di Seria, Brunei. Beliau juga merupakan Pustakawan

PPM dan kemudian menyertai Rukun Tigabelas. Beliau terlibat dalam pembunuhan Gabenor Duncan Stewart dan dijatuhi hukuman penjara selama 15 tahun. Lihat R H W Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 262.

<sup>57</sup> Senarai mereka yang terlibat dalam kes pembunuhan Gabenor Duncan Stewart, lihat *The Sarawak Gazette*, 7 Februari 1950, hlm. 29. *The Straits Times*, 6 Disember 1949, hlm. 1, 9 Disember 1949, hlm. 1. Rosli Dhobi dan Morshidi bin Sidek dihukum gantung pada 2 Mac 1950, Awang Ramblu dan Bujang bin Suntong pula dijatuhi hukuman gantung pada 23 Mac 1950. Sementara itu Abang Han dipenjarakan selama 15 tahun; Che Osman bin Ahmad, Mornie bin Onei dan Othman bin Dollah dipenjarakan selama sepuluh tahun, Ahmad bin Haji Abu Bakar dipenjarakan selama tujuh tahun, Awang Osman bin Moh dan Wan Zain bin Abdullah pula dikenakan hukuman penjara selama lima tahun. Walaupun terdapat sedikit reaksi orang ramai terhadap hukuman bunuh Rosli Dhobi dan Morshidi pada 2 Mac 1950, *The Sarawak Tribune* melaporkan bahawa pada 7 Mac 1950, apabila rayuan daripada sembilan orang yang lain kedengaran, "a large crowd of people, mostly Malays, sat and stood up all morning along the shops facing the main Court House". Ini menunjukkan orang ramai juga mengambil berat terhadap perkara tersebut. Rosli Dhobi dan tiga orang rakannya yang dihukum gantung dianggap sebagai pahlawan nasionalis oleh orang Melayu sehingga beberapa tahun selepas itu. *Radio Times of Sarawak, Programmes from 1 December to 14 December 1957*, Vol. 3, No. 25, hlm. 28. Lihat juga *The Sarawak Tribune*, 5 Disember 1949, hlm. 1; 6 Disember 1949, hlm. 1, 7 Disember 1949, hlm. 1; 8 Mac 1950, hlm. 1. *The Sarawak Gazette*, 7 Februari 1950, hlm. 28-30. *The Straits Times*, 8 Disember 1949, hlm. 1. *Nanyang Siang Pau*, 11 Disember 1949, hlm. 15; 7 Januari 1950, hlm. 7. Lihat juga Sanib Said, 'Anti-Cession Movement 1946 to 1951: The Birth of Nasionalism in Sarawak', hlm. 32-59. Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak 1946-1966*, hlm. 56-57.

<sup>58</sup> Kemunculan kesedaran nasionalisme di kalangan penduduk Bumiputera Sarawak dapat dilihat melalui poster-poster yang dipamerkan dan slogan-slogan yang diluang-luangkan oleh penyokong anti-penyerahan. Di antaranya ialah "NATIVES OF FIVE DIVISIONS DO NOT WANT COLONIAL ADMINISTRATION", "DOWN WITH SARAWAK COLONY", "OUR PROTEST FOR FREEDOM IS UNDAUNTED", "NO CESSION, SARAWAK IS OUR BLOOD AND SOUL". *The Sarawak Gazette*, 30 April 1976, hlm. 76. Lihat juga *The Sarawak Tribune*, 30 Oktober 1946, hlm. 6. Lihat juga Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak 1946-1966*, hlm. 50.

<sup>59</sup> *Sarawak By The Week*, 8 September-14 September 1957, hlm. 1.

<sup>60</sup> Elizabeth Pollard, *Kuching Past and Present*, hlm. 100.

<sup>61</sup> *Utusan Sarawak*, 9 Julai 1960, hlm. 2.

<sup>62</sup> SDA merupakan satu-satunya pertubuhan anti-penyerahan Dayak. Ia ditubuhkan pada 1 Mac 1946 oleh sekumpulan kecil orang Bidayuh dan Iban dari Bahagian Pertama serta Kedua yang telah menetap di Kuching. Philip Jitam mengundi menentang penyerahan dalam Majlis Negri pada 15 Mei 1946 selepas beliau sedar bahawa penyerahan itu tidak disokong oleh Tuan Muda, Betram Brooke. Dalam kegiatan anti-penyerahan, SDA bekerjasama rapat dengan PKMS dan ia juga bimbang terhadap dominasi orang Cina. Namun ahli-ahli SDA menolak untuk mengikuti tindakan PKMS dalam meletak jawatan di bawah Surat Pekeliling No. 9. Keterangan lanjut, sila lihat Vernon L. Porritt, *British Colonial Rule in Sarawak, 1946-1963*, hlm. 56. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 232. Rujuk juga *The Sarawak Tribune*, 9 Mac 1946, hlm. 4. *The Sarawak Gazette*, 30 April 1976, hlm. 76.

<sup>63</sup> PPM ditubuhkan pada tahun 1946 di bawah pimpinan Sirat Haji Yaman dan berpusat di Sibu. Awang Ramblu menjadi Setiausaha Umumnya. Ahli-ahlinya terdiri daripada pemuda Melayu dari Bahagian Ketiga. PPM mendakwa memiliki 30,000 ahli dan mempunyai cawangan di Kanowit, Song, Kapit, Belaga, Binatang, Sarikei, Matu, Daro, Igan, Dalat, Oya dan Mukah. Kemunculan PPM merupakan tindakbalas kepada PKMS yang dianggap lemah dalam menentang pihak British. Ekoran daripada pembunuhan Duncan Stewart dan penangkapan di Sibu, PPM dan semua cawangannya telah diisyiharkan di bawah seksyen 9 dalam Ordinan Persatuan-persatuan Sarawak sebagai persatuan yang tidak mengikut undang-undang. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 215. Haji Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 94. Bob Reece, *Datu Bandar*, hlm. 111. Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak 1946-1966*, hlm. 46-49. *The Sarawak Gazette*, 7 Februari 1950, hlm. 27-31. *The Straits Times*, 8 Disember 1949, hlm. 1.

<sup>64</sup> *Utusan Sarawak*, 10 September 1960, hlm. 2

<sup>65</sup> Ibid.

<sup>66</sup> Anthony Abell dilantik menjadi Gabenor Sarawak yang ketiga dari tahun 1949 hingga 1959 iaitu selama sepuluh tahun. Beliau ditabalkan sebagai Gabenor Sarawak untuk menggantikan Duncan Stewart yang dibunuh di Sibu. Beliau dilahirkan pada tahun 1906 dan mendapat pendidikan di Repton dan Kolej Magdalen, Oxford. Beliau pernah berkhidmat sebagai Kadet di Negeria pada tahun 1929. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk *The Sarawak Gazette*, 7 Februari 1950, hlm. 25; *Utusan Sarawak*, 23 Januari 1950, hlm. 1; 10 April 1950, hlm. 1; *The Sarawak Tribune*, 3 April 1950, hlm. 1; 4 April 1950, hlm. 2; *Chung Wha Journal*, 3 April 1950, hlm. 1. Lihat juga Lampiran 16.

<sup>67</sup> Alexander Waddell, seorang bangsa Scott dan bersekolah di Fettes College, University of Edinburgh dan Cambridge. Pernah bertugas dalam perkhidmatan militeri di Sarawak dan ditempatkan beberapa bulan di Simanggang. Kemudian memasuki Perkhidmatan Pentadbiran Kolonial dalam tahun 1937 sehingga tahun 1945. Pada tahun 1947 dilantik sebagai Penolong Setiausaha di Borneo Utara. Alexander Waddell berkhidmat sebagai Gabenor Sarawak yang keempat ketika berusia 46 tahun. Tempoh beliau menjadi Gabenor Sarawak ialah dari tahun 1959 bagi menggantikan Anthony Abell sehingga Malaysia terbentuk. Pada zaman pemerintahannya rancangan Malaysia dicadangkan oleh Perdana Menteri Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman dan beliau terlibat dalam proses pembentukan Malaysia. Sila rujuk Lampiran 16. Lihat juga *Pedoman Raayat*, Julai 1959, hlm. 1; *The Borneo Bulletin*, 4 Julai 1959, hlm. 2; *Utusan Sarawak*, 25 Februari 1960, hlm. 1.

<sup>68</sup> Datu Patinggi Abang Haji Abdillah bin Datu Patinggi Abang Haji Mohamad Kassim adalah pemimpin Melayu yang gigih menentang penjajahan Sarawak oleh kerajaan British. Beliau dilahirkan pada tahun 1862. Beliau menjadi Guru pada tahun 1887. Pada tahun 1905, beliau berkhidmat dalam Pejabat Kerja Raya dan seterusnya Jabatan Polis sebagai Sub-Inspektor pada tahun 1917. Pada tahun 1921, beliau dianugerahkan gelaran Datu Bandar. Seterusnya beliau diberi gelaran Datu Patinggi pada tahun 1937 oleh Raja Vyner Brooke. Beliau telah dilantik sebagai penaung pertama PKMS yang ditubuhkan pada tahun 1939. Dalam pemerintahan Brooke, Datu Patinggi Abang Haji Abdillah sangat disegani oleh pihak kerajaan sebagai seorang pentadbir yang berwibawa, cekap dan bijak. Apabila ketiadaan Raja dan Tuan Muda, beliau memangku dan mengambil alih tugas-tugas pentadbiran. Beliau meninggal dunia pada 22 November 1946. Untuk maklumat lanjut, sila lihat Haji Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 27-29.

<sup>69</sup> *The Sarawak Gazette*, 2 September 1946, hlm. 14. Lihat juga *The Sarawak Gazette*, 31 Julai 1972, hlm. 129.

<sup>70</sup> *The Sarawak Tribune*, 6 Mei 1946, hlm. 1.

<sup>71</sup> Rujuk *The Malay Mail*, 31 Disember 1946, hlm. 1; *Utusan Sarawak*, 16 Januari 1949, hlm. 2 dan 3. See *Hua Daily News*, 21 November 1996, hlm. 8. Lihat juga Haji Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 105. *The Sarawak Gazette*, 2 Januari 1948, hlm. 3 dan 8; 31 Ogos 1972, hlm. 145-146. *The Sarawak Tribune*, 3 Februari 1947, hlm. 8.

<sup>72</sup> Kakinangan kerajaan mungkin akan dipecat sekiranya didapati terlibat dalam gerakan anti-penyerahan. Untuk memprotes Surat Pekeliling ini mereka telah bertindak meletak jawatan dari dipecat oleh kerajaan.

<sup>73</sup> *Utusan Sarawak*, 16 Januari 1949, hlm. 3. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 267-272. Haji Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 105. Keterangan lanjut juga boleh didapati dari See *Hua Daily News*, 9 November 1996, hlm. 8; 16 November 1996, hlm. 8. Untuk senarai nama 338 penyokong anti-penyerahan, lihat File Anti-Cession and 338 Names (Box A, Arkib Negeri Sarawak).

<sup>74</sup> *Utusan Sarawak*, 7 November 1949, hlm. 3.

<sup>75</sup> *The Sarawak Gazette*, 2 Disember 1981, hlm. 10 dan 11.

<sup>76</sup> *The Sarawak Tribune*, 30 Oktober 1946, hlm. 6. *The Sarawak Gazette*, 30 April 1976, hlm. 76. Rujuk juga Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak 1946-1966*, hlm. 49.

<sup>77</sup> Abang Haji Mustapha dilahirkan di Jalan Datu, Kuching pada 30 Mac 1906. Beliau adalah anak kepada Datu Hakim Abang Haji Moasili. Abang Haji Mustapha ialah cucu Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim Tampil iaitu Datu Hakim pertama di Sarawak dan orang Melayu Sarawak yang pertama

belajar di Mekah. Beliau mendapat pendidikan awal di sekolah Melayu kerajaan. Semasa berumur sepuluh tahun iaitu pada tahun 1916, beliau masuk ke Sekolah St. Thomas sehingga tahun 1919 dan melanjutkan pelajaran di Sekolah St. Joseph. Pada tahun 1922 beliau mendalamai Undang-Undang Syariah di Mekah. Kemudian menjadi guru di Saribas selama tiga tahun sebelum berkhidmat sebagai kerani dalam perkhidmatan Kerajaan Brooke pada tahun 1925. Pada 1 Mei 1930 dilantik menjadi sub-Inspektor dan kemudian Inspektor pada tahun 1933 dan seterusnya Inspektor Kanan pada tahun 1934. Beliau juga adalah salah seorang Timbalan Pengurus Persatuan Melayu Sarawak yang didaftarkan pada 10 September 1939. Pada Mac 1938 menjadi Presiden Persaudaraan Sahabat Pena Malaya, cawangan Sarawak. Beliau dianugerahkan gelaran Datu Pahlawan pada Februari 1941. Beliau pernah dilantik menjadi ahli tidak rasmi dalam Majlis Negri dan Majlis Tertinggi. Beliau adalah orang yang terpenting dalam penubuhan Parti Negara Sarawak dan menjadi pemimpinnya pada tahun 1960. Juga merupakan wakil orang Melayu dalam proses pembentukan Malaysia. Beliau meninggal dunia pada Januari 1964. Mohd. Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 91. See *Hua Daily News*, 31 Oktober 1996, hlm. 8. *The Sarawak Gazette*, 28 Februari 1965, hlm. 41-42. Bob Reece, *Datu Bandar*, Bab 1-5.

<sup>78</sup> *The Sarawak Gazette*, 2 September 1946, hlm. 13. Bob Reece, *Datu Bandar*, hlm. 95-96.

<sup>79</sup> *The Sarawak Gazette*, 2 September 1946, hlm. 14.

<sup>80</sup> *The Sarawak Tribune*, 6 Mei 1946, hlm. 2.

<sup>81</sup> Ibid., hlm. 1.

<sup>82</sup> *Chung Wha Journal*, 3 April 1950, hlm. 1.

<sup>83</sup> *The Sarawak Gazette*, 2 September 1946, hlm. 16. Sebab-sebab orang Cina menyokong penyerahan Sarawak juga ada disebut dalam *The Malay Mail*, 15 April 1946, hlm. 3; 2 Julai 1946, hlm. 1.

<sup>84</sup> *The Sarawak Tribune*, 15 Februari 1946, hlm. 2.

<sup>85</sup> See *Hua Daily News*, 22 Oktober 1996, hlm. 8. Lihat juga Haji Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 74.

<sup>86</sup> *The Sarawak Tribune*, 6 Mei 1946, hlm. 1.

<sup>87</sup> Ibid. Lihat juga *The Sarawak Tribune*, 15 Februari 1946, hlm. 2.

<sup>88</sup> *The Sarawak Tribune*, 16 Februari 1946, hlm. 3.

<sup>89</sup> *The Sarawak Tribune*, 22 Februari 1946, hlm. 2.

<sup>90</sup> *The Sarawak Tribune*, 15 Februari 1946, hlm. 2.

<sup>91</sup> R.H.W. Reece, 'The Cession of Sarawak to the British Crown in 1946', hlm. 357.

<sup>92</sup> Temubual dengan Hii Leong Yi dengan Chua Ah Lit di Kapit pada 15 Mac 1997.

<sup>93</sup> Steven Runciman, *The White Rajahs*, hlm. 262.

<sup>94</sup> *The Sarawak Tribune*, 16 Februari 1946, hlm. 3.

<sup>95</sup> Ibid.

<sup>96</sup> *Hua Kiaw Jit Pau (Overseas Chinese Daily News)*, 6 Februari 1946, hlm. 2.

<sup>97</sup> *The Sarawak Tribune*, 26 Februari 1946, hlm. 1.

<sup>98</sup> *Hua Kiaw Jit Pau*, 29 Januari 1946, hlm. 2; 8 Februari 1946, hlm. 2. Rujuk juga R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 207.

<sup>99</sup> R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 207.

<sup>100</sup> Ibid., hlm. 207-208. Lihat juga *Hua Kiaw Jit Pau*, 29 Januari 1946, hlm. 2; 8 Februari 1946, hlm. 2.

<sup>101</sup> Frederick Hubert Pollard (1903-1955) adalah penyokong kuat kemerdekaan Sarawak dan tidak setuju Sarawak diletakkan di bawah kerajaan British. Beliau menyertai Perkhidmatan Kerajaan Sarawak pada tahun 1923 setelah dipujuk oleh bapa saudaranya, Charles Willes Johnson. Pada tahun 1941, beliau dilantik sebagai Setiausaha Hal-Ehwal Bumiputera di Sarawak. Ketika Jepun menakluki Sarawak, beliau menyertai tentera Australia dan berkhidmat di Jabatan Perisik Bersekutu di Australia. Beliau kembali ke England pada Oktober 1943 dan dilantik untuk mengetuai bahagian Sarawak dalam Unit Perancangan Borneo tetapi telah ditolak. Pada awal 1945, beliau menjadi anggota Kerajaan Sementara yang ditubuhkan oleh Raja Brooke di Australia tetapi dipecat bersama-sama dengan Anthony Brooke pada Oktober 1945. Untuk maklumat lanjut, sila lihat R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 67.

- 
- <sup>102</sup> See *Hua Daily News*, 12 Oktober 1996, hlm. 8.
- <sup>103</sup> *The Sarawak Gazette*, 20 April 1948, hlm. 1. Lihat juga Bob Reece, *Datu Bandar*, hlm. 99.
- <sup>104</sup> *The Sarawak Gazette*, 31 Ogos 1972, hlm. 148.
- <sup>105</sup> *Utusan Sarawak*, 8 Julai 1949, hlm. 3.
- <sup>106</sup> Ibid.
- <sup>107</sup> Ibid.
- <sup>108</sup> *Sarawak Annual Report 1949*, hlm. 11.
- <sup>109</sup> *Sarawak Annual Report 1952*, hlm. 14.



**Gambar 3:** Gabenor Kedua Sarawak, Duncan Stewart yang dibunuh di Sibu pada Disember 1949.

**Sumber:** Muzium Negeri Sarawak, Kuching



**Gambar 4:** Encik Rosli Dhobi tertangkap kerana membunuh Gabenor Duncan Stewart di Sibu.

**Sumber:** Muzium Negeri Sarawak, Kuching.